

پہلے پین

Membangun Insan Memacu Kecemerlangan

Jun 2014 - Disember 2015



ISU NO. 7

Karnival Mahabbah
Pusat Islam & Pembangunan Insan
09-14 MAC 2015
UMPU KAMPUS GAMBANG
SEMPENA HARI TERBUKA UMP

- Sirah Rasul
- Makni! Aku Nak Kahwin
- K-Pop vs Bollywood
- Bicara Alam Metalizik
- Forum Muqarrabin
- Konsert Malam Cinta Habi
- Gubahan Tarqwa
- Fotografi Masjid
- Ride For Ukhwah
- Istora K-Pop Semi Dangdut

UNTUK MAKLUMAT, SILA HUBUNGI:
09 549 2642
UNTUK PEHENTAHAN, SILA LAYARI:
pimpin.ump.edu.my

PENYEWAAN JANG DAN KEMUDAHAN UMP

21 JANUARI 2015 / 1436H

Karnival Mahabbah

Cetus Fenomena Dakwah Kontemporari

ISSN 2180-3331

9 772180 333001

KANDUNGAN



TAJUK	M/S
TINTA PENGARAH	3
QIYAM KOLUMNIS	3
DIREKTORI STAFF	4
SEMINAR TRANSFORMASI SEMPENA RAMADHAN SUNTIK PARADIGMA SEBENAR	5
PROGRAM DISKUSI ILMIAH SEMPENA NUZUL AL-QURAN 1435H	5
WACANA MERDEKA SUNTIK SEMANGAT CINTAKAN NEGARA	6
PROGRAM IBADAH KORBAN 1435H PERINGKAT UMP	6
SEMINAR PERUBATAN ISLAM	7
KARNIVAL PENGHAYATAN ISLAM SEMPENA KONVOKESYEN UMP	7
SAMBUTAN MAAL HIJRAH 1436H	8
PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT	8
SEMINAR SPIRITUAL INTELLIGENT	9
MISI BANTUAN KEMANUSIAAN BANJIR	10
1,000 WARGA UMP SERTAI PERARAKAN MAULIDUR RASUL	10
KARNIVAL MAHABBAH CETUS FENOMENA DAKWAH KONTEMPORARI	11
KURSUS DA'IE MUDA CETUS PENDAKWAH MILLENIA UMP	12
DIALOG PERUNDANGAN BERKAITAN AMALAN SIHIR	13
DAKWAH UMMAH	14
DIALOG MENYINGKAP RAHSIA PERJALANAN ISRA' & MI'RAJ	14
DAKWAH UMMAH II SEMAI SEMANGAT CINTAKAN KOMUNITI	15
LADIES DAY	15
SANTAI AKUSTIKA DEDAHKAN HIBURAN MENDIDIK JIWA	16
PIMPIN ANJUR SEMINAR BAITUL MUSLIM	16
FESTIVAL RAMADHAN 1436H PENUH BERMAKNA	17
PIMPIN SAMBUT MAJLIS HARI RAYA BERSAMA KAMPUNG ANGKAT	18
SANTAI AKUSTIKA MERIAH DI UMP PEKAN	18
KARNIVAL MAHABBAH 2.0 MERIAH	19
PROGRAM IBADAH KORBAN 2015 BERSAMA YAPEIM	20
117 HADIR PROGRAM ANDA TANYA USTAZ JAWAB	20
ANDA TANYA USTAZ JAWAB BERSAMA PU LOKMAN	20
ANDA TANYA USTAZ JAWAB BERSAMA DA'I AMMAR	21
LEBIH 161 HADIR ANDA TANYA USTAZ JAWAB DI UMP PEKAN	21
81 HADIR ANDA TANYA USTAZ JAWAB VERSI RAMADHAN	21
LENSA PIMPIN	22-23
101 HADIR PROGRAM ANDA TANYA USTAZ JAWAB VERSI MERDEKA	24
BAHANA 3S: SAKA, SANTAU, SUSUK	24
PROGRAM BERSIRI "JOM LEPAK MASJID"	25
PROGRAM BERSIRI "MENU MALAM JUMAAT"	25
PROGRAM BERSIRI "LADIES MOMENT"	26
PROGRAM KERJASAMA DENGAN BAHAGIAN LATIHAN & PENGEMBANGAN	27
KOPITENSI (BLPK)	
PROGRAM KERJASAMA DENGAN BAHAGIAN PENGURUSAN BAKAT (BPB)	28
BUATAN ORANG ATAU BUATAN SENDIRI?	29-30
FITNAH TERBESAR	31
HAK MUSLIM KE ATAS MUSLIM	32
MENGAPA RASULULLAH (SAW) JARANG SAKIT	33
FAKTA SAINS BERKAITAN WUDUK	34
WABAK DUNGU DALAM BUDAYA 'PRANK'	35
DOSA MENINGGALKAN SOLAT FARDHU	36
MULUT TEMPAYAN BOLEH DITUTUP...MULUT MANUSIA	37
PEMBAZIRAN KETIKA BERWUDU'	38
12 SENARAI SEMAK ISTERI TAAT	39
BERKASIH SAYANG KERANA ALLAH	40
SUDUT ILMIAH, TERIMA KASIH & CATATAN	41-43



Assalamualaikum W.B.T

Bagi menjadikan peristiwa pertengahan tahun 2014 dan 2015 sebagai satu lipatan sejarah, Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) sekali lagi menerbitkan Majalah Qiyam isu ke-7. Majalah Qiyam, satu wadah perkongsian maklumat dalam isu ke-7 merumuskan keseluruhan pencapaian

PIMPIN bagi separuh tahun 2014 dan 2015. Sepanjang tahun 2014 dan 2015 ini pelbagai program yang telah dijalankan oleh PIMPIN bagi tujuan membentuk jati diri dan kerohanian pelajar dan staf UMP.

Sebagai sebuah jabatan yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan aktiviti dakwah dan pembangunan insan maka PIMPIN berusaha keras untuk mewujudkan budaya cintakan ilmu duniawi dan ukhrawi secara seimbang. PIMPIN juga mengambil inisiatif yang lebih proaktif dalam merealisasikan nilai teras UMP iaitu hubungan yang kuat antara manusia dan pencipta-Nya tercapai.

Bagi memastikan seluruh warga UMP dapat menghayati dan membudayakan amal kebaikan, PIMPIN bertekad untuk memperbanyakkan lagi program-program kerohanian dan mendidik jiwa seperti ini pada masa-masa yang akan

datang. Sememangnya banyak yang boleh dirancang tetapi komitmen dan kerjasama adalah terpenting. Semoga usaha berterusan ini dapat membantu visi UMP ke arah universiti teknikal bertaraf dunia yang melahirkan insan yang berkualiti.

Akhir kalam, saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan aktiviti anjuran PIMPIN. Saya juga sangat mengalu-alukan cadangan, penambahbaikan dan perkhidmatan yang PIMPIN laksanakan. Semoga segala sumbangan yang anda berikan diterima dan diberi ganjaran yang berlipat kali ganda oleh Allah S.W.T.

Sekian, Wassalam.

Dr Mahyuddin Bin Ismail

KOLUMNIS QIYAM

Pengarah

Dr Mahyuddin Bin Ismail

Ketua Editor

Ustazah Amira Binti Abdullah

Kolumnis

Dr Mahyuddin bin Ismail

Ustaz Md Abdu bin Md Sahak

Ustaz Mohammad Salehuddin bin Md Derus

Ustazah Amira binti Abdullah

Pn Rezita binti Mat Husin

Ustaz Mohamad Hasnur bin Abdul Hamid

En Fairuz Aliff bin Noorhisam Iskandar

Ustaz Amidi bin Osman

Ustaz Shahrul Nizam bin Md Ahir

Puan Nor Hidayani binti Abdullah

En Mohammad Faizal bin Baharuddin

Jurufoto

En Mohammad Faizal bin Baharuddin

Pereka Grafik

Anugerah Ilham Management & Services

Diterbitkan Oleh

Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN)

Universiti Malaysia Pahang

Lebuhraya Tun Razak

26300 Gambang, Kuantan, Pahang.

Dicetak Oleh

Anugerah Ilham Management & Services

E-mail : anugerahilham@gmail.com

Tel : 09-573 3177 Fax : 09-575 0625



Logo baru : Disember 2015 - sekarang



Logo lama : Januari 2014 -November 2015



NAMA: DR. MAHYUDDIN BIN ISMAIL
**JAWATAN: PENGARAH/
PENSYARAH KANAN**
NO. TEL: 09-5492024
e-mail: mahyuddin@ump.edu.my



NAMA: MD ABU BIN SAHAK
**JAWATAN: PEGAWAI HAL
EHWAL ISLAM**
NO. TEL: 09-5492609
e-mail: abdu@ump.edu.my



NAMA: AMIDI BIN OSMAN
**JAWATAN: PEMBANTU HAL EHWAL
ISLAM KANAN**
NO. TEL: 09-5492641
e-mail: amidi@ump.edu.my



NAMA: AMIRA BINTI ABDULLAH
**JAWATAN: PEGAWAI HAL
EHWAL ISLAM**
NO. TEL: 09-5492645
e-mail: amiraabdullah@ump.edu.my



**NAMA: SHAHRUL NIZAM BIN
MD. AHIR**
**JAWATAN: PEMBANTU HAL
EHWAL ISLAM**
NO. TEL: 09-4245743
e-mail: shahruln@ump.edu.my



**NAMA: MUHAMMAD SALLEHUDIN
BIN MD DERUS**
**JAWATAN: PEGAWAI HAL
EHWAL ISLAM**
NO. TEL: 09-4245735
e-mail: sallehudin@ump.edu.my



**NAMA: KU MOHAMAD AMINUDDIN
BAKI BIN KU YAKUB**
**JAWATAN: PEMBANTU HAL
EHWAL ISLAM**
NO. TEL: 09-5492643
e-mail: kmaminuddin@ump.edu.my



NAMA: REZITA BINTI MAT HUSIN
**JAWATAN: PENOLONG
PEGAWAI TADBIR**
NO. TEL: 09-5492642
e-mail: rezita@ump.edu.my



NAMA: SITI NAZIRA BINTI HAZUDIN
**JAWATAN: PEMBANTU HAL
EHWAL ISLAM**
NO. TEL: 09-4245731
e-mail: snazira@ump.edu.my



**NAMA: FAIRUZ ALIFF BIN NOORHISAM
ISKANDAR**
**JAWATAN: PENOLONG PEGAWAI HAL
EHWAL ISLAM**
NO. TEL: 09-5492641
e-mail: fairuzaliff@ump.edu.my



**NAMA: NOR HIDAYANI BINTI
ABDULLAH**
JAWATAN: PEMBANTU TADBIR
NO. TEL: 09-5492642
e-mail: hidayani@ump.edu.my



**NAMA: MOHAMAD HASNUR BIN
ABDUL HAMID**
**JAWATAN: PENOLONG PEGAWAI
HAL EHWAL ISLAM**
NO. TEL: 09-4245734
e-mail: mhasnur@ump.edu.my



**NAMA: MOHAMMAD FAIZAL BIN
BAHARUDDIN**
JAWATAN: PEMBANTU AM PEJABAT
NO. TEL: 09-5492642
e-mail: faizalb@ump.edu.my

Seminar Transformasi Sempena Ramadhan



Ustaz Irfan
Pensyarah PBMSK UMP

26 شعبان 1435
24 JUN 2014
8:30 PG - 4:00 PTG | Selasa
Auditorium Perpustakaan
UMP Pekan



Universiti
Malaysia
PAHANG



PM Dr. Muhammad
Pen. Prof. Jabatan Sains Nutrisi
Fakulti Sains Kesihatan UIAMK



Ust. Mansor
Pensyarah PBMSK

SEMINAR TRANSFORMASI SEMPENA RAMADHAN SUNTIK PARADIGMA SEBENAR



Universiti Malaysia Pahang, 24 Jun 2014 – Seminar Transformasi Sempena Ramadhan telah berlangsung dengan jayanya bertempat di Auditorium Perpustakaan, UMP Kampus Pekan. Program yang dianjurkan Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN) ini dirangka dalam usaha membongkar rahsia terbesar kurniaan Allah kepada hambaNya yang Padanya (Ramadhan) mengandungi mesej besar merubah diri menjadi insan yang lebih produktif.

Seminar ini dibarisi oleh ahli-ahli panel yang berkepakaran dalam bidang masing-masing. Al-Fadhil Ustaz Ahmad Irfan bin Ikmal Hisham, Pensyarah dari PBMSK mengisi slot 1 yang berjudul “Ramadhan : Transformasi Emosi & Spiritual”. Slot 2 pula dikendalikan oleh Prof. Madya Dr. Muhammad bin Ibrahim, Penolong Profesor di Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu, UIAM dengan tajuk “Ramadhan : Transformasi Fizikal & Kesihatan”. Manakala slot 3 pula disampaikan oleh Al-Fadhil Ustaz Dr. Mansor bin Sulaiman, Pensyarah Kanan di PBMSK, UMP dengan tajuknya “Ramadhan Yang Sama Natijah Berbeza.” Gandingan yang mantap dengan dibarisi Profesional dan Ulama’ Muda ini berjaya menarik seramai hampir 200 hadirin yang cintakan ilmu dan Islam.

Para peserta dalam seminar kali ini bertuah kerana didedahkan dengan begitu banyak input berguna seperti tips pemakanan dan diet sihat, pengurusan emosi dan penjaanaan amalan soleh yang berkualiti dan konsisten. Semoga program seperti ini diteruskan lagi pada masa akan datang dalam menyemarakkan lagi majlis-majlis ilmu di bumi UMP.



PROGRAM DISKUSI ILMIAH SEMPENA NUZUL AL-QURAN 1435H

Universiti Malaysia Pahang, 16 Julai 2014 – Bertempat di Dewan Astaka UMP Gambang, Program Diskusi Ilmiah Nuzul Quran 1435H “The Miracles of Al-Quran” telah berlangsung dengan jayanya dan melibatkan penyertaan dari staff dan pelajar UMP. Program ini telah dianjurkan oleh Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN). Program ini, memberi pengajaran tentang perkara-perkara berkaitan tentang mukjizat-mukjizat Al-Quran yang begitu agung.

Dalam program ini, banyak kupasan yang diberikan oleh penceramah. Antaranya adalah “Al-Quran dan Sains satu pembuktian”

yang dikupas oleh Ustaz Ahmad Irfan bin Ikmal Hisham, pensyarah Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK). Kupasan kedua adalah mengenai “Syahsiah Pemelihara Al-Quran” yang disampaikan oleh En Mohd Noor Hidayat daripada KDN dan kupasan terakhir adalah mengenai “Al-Quran: Cahaya Penerang Kehidupan Insan” oleh Ustaz Hamdan Yusi, daripada Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP).

Diskusi yang dihadiri seramai 60 orang peserta ini diakhiri dengan sesi soal jawab yang berkisar kekeliruan tentang hal-hal berkaitan sains dalam Al-Quran.

WACANA MERDEKA SUNTIK SEMANGAT CINTAKAN NEGARA

UMP Pekan, 11 September 2014 – Dalam rangka menyedarkan pelajar tentang pentingnya menanamkan semangat cintakan tanah air dan mensyukuri nikmat keamanan, Pusat Islam & Pembangunan Insan, UMP telah menganjurkan program Wacana Merdeka yang bertajuk Nikmat Sebuah Kemerdekaan dan Polemik Dunia Islam Abad Moden. Program ini antara lainnya ingin menjelaskan kepada hadirin tentang pentingnya menghargai sebuah keamanan dengan mengambil pengajaran daripada situasi-situasi yang melanda Negara-negara Islam pada masa kini untuk direnung dan dihayati.

Program ini telah menampilkan barisan panelis yang tidak asing lagi di arena akademik iaitu Prof. Dr. Kamaruzaman Yusof, Pensyarah Fakulti Tamadun Islam, UTM dan Dr. Mansor bin Sulaiman, Pensyarah Kanan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, UMP. Wacana ini turut dikendalikan oleh tokoh pelajar Muhammad Hazim bin Abdul Rahaim dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli selaku Moderator.

Antara isi wacana yang dikupas termasuklah bagaimana menanamkan rasa syukur benar-benar tertanam dalam hati supaya sentiasa termotivasi dan patriotik, memahami istilah-istilah fahaman baru seperti orientalisme, modenisme, zionisme dan sekularisme. Panelis juga berkongsi menjelaskan bagaimana proses sekularisasi mula menular ke Tanah Melayu khususnya dan dunia barat sehingga membangkitkan protes kepada golongan berkeperntingan dan sebagainya.

Program berakhir dengan nasihat daripada panelis kepada pelajar agar menjadi seseorang yang berkhidmat untuk masyarakat dengan kepakaran menerusi pembelajaran di Universiti supaya tidak menjadikan pendidikan turut sama dijajah dengan hanya mengejar segulung ijazah semata-mata seterusnya meningkatkan jati diri dan harga diri sebagai seorang Muslim.



PROGRAM IBADAH KORBAN 1435H PERINGKAT UMP

Universiti Malaysia Pahang, 7-8 Oktober 2014 - Program Ibadah Korban 1435H telah diadakan di kedua-dua kampus UMP Gambang dan UMP Pekan masing-masing pada 7 dan 8 Oktober 2014. Ia merupakan sebagai satu usaha pihak universiti melalui Pusat Islam & Pembangunan Insan menghidupkan syiar Islam dan meraikan Sambutan Eidul Adha 1435H di peringkat universiti. Penganjuran program ini sebagai wasilah untuk warga UMP mengeratkan silaturahim.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program adalah aktiviti penyembelihan, agihan daging korban, gotong-royong memasak dan diakhiri dengan jamuan perdana yang melibatkan seluruh warga UMP. Secara keseluruhannya, program ini berjaya mendapat sokongan dari pelbagai kakitangan walaupun berbeza latar belakang dan segala usaha ke arah hubungan yang baik dengan semangat kerjasama yang dipamerkan wajar dipuji.

Semoga program seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai acara tahunan universiti. Turut hadir dalam program adalah Dato' Naib Canselor UMP dan barisan Timbalan-Timbalan Naib Canselor serta Pendaftar dan Timbalan Pendaftar UMP.



SEMINAR PERUBATAN ISLAM

UMP 9 Oktober 2014 – Bertempat di Dewan Tun Fatimah UMP Gambang, Seminar Perubatan Islam telah berlangsung dengan jayanya dan melibatkan penyertaan dari staff UMP dan orang luar. Program ini memberi pengajaran tentang perkara-perkara berkaitan tentang ilmu perubatan Islam.

Dalam program ini, begitu banyak kupasan yang diberikan oleh penceramah iaitu Dr Mahyuddin bin Ismail yang merupakan Pengarah, Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN) yang juga seorang pengamal perubatan Islam. Beliau menyentuh mengenai cara rawatan serta pencegahan ilmu-ilmu hitam iaitu sihir, saka dan sebagainya. Seminar ini dihadiri seramai 30 orang peserta dari pelbagai institusi seluruh Malaysia. Majlis diakhiri dengan sesi soal jawab yang berkisar kekeliruan tentang hal-hal berkaitan rawatan Islam.



KARNIVAL PENGHAYATAN ISLAM SEMPERNA KONVOKESYEN UMP

Universiti Malaysia Pahang, 9-11 Oktober 2014 - Sempena Expo Konvo UMP, Pusat Islam & Pembangunan Insan turut sama menayakan Expo Konvo tersebut dengan mengadakan Karnival Penghayatan Islam. Program ini melibatkan beberapa aktiviti-aktiviti berunsur kerohanian..

Antara aktiviti-aktiviti yang dianjurkan termasuklah Seminar Pengubatan Islam yang dikendalikan oleh Dr. Mahyuddin bin Ismail, Ladies Moment Special yang menampilkan Artis Undangan Siti Nordiana Alias, Kampus Dakwah yang melibatkan Sukarelawan PIMPIN, Mahabbah Night yang menampilkan Maulana Juhari bin Muhammad Ali dan Ustaz Uwais Al-Qarni bin Abdul Wahab serta jemputan Kumpulan Qasidah daripada UIA & UMP. Selain itu, diadakan juga Kampus Dakwah iaitu aktiviti Flashmob dan busking dan juga Forum Mahasiswa & Cinta yang dibarisi ahli panel dari UMP iaitu Dr. Mansor bin Sulaiman, PBMSK dan Dr. Muhammad Sharfi bin Najib, FKEE.

Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari warga UMP dan komuniti sekitar.



SEMINAR PENGUBATAN ISLAM

Oleh: **DR. MAHYUDDIN BIN ISMAIL**

09 Okt 2014
8:00 PAGI - 5:00 PETANG
@Dewan Tun Fatimah

Ladies Moment Special

Artis Jemputan: **Siti Nordiana**

10 Okt 2014
12:00 TENGAHARI - 2:00 PETANG
@W-DKU-K-01

KAMPUS DAKWAH

Aktiviti: **Flashmob & busking**

10 Okt 2014
5:00 PETANG - 7:00 MALAM
@TAPAK PESTA KONVO

MAHABBAH Night

Penceramah: **Maulana Jahari Muhammad Ali & Ustaz Uwais Al-Qarni bin Abdul Wahab**

11 Okt 2014
6:30 PETANG - 12:00 MALAM
@MASJID UMP GAMBANG & TAPAK PESTA KONVO

SAMBUTAN MAAL HIJRAH 1436H



Universiti Malaysia Pahang, 3-4 November 2014 - Dalam menghidupkan suasana sambutan tahun baru Islam, Pusat Islam & Pembangunan Insan telah menganjurkan Sambutan Maal Hijrah 1436H sempena kedatangan tahun baru Hijrah 1436H. Program ini telah melibatkan jalinan kerjasama dari pelbagai Pusat Tanggungjawab dan seluruh warga UMP.

Antara aktiviti yang telah dijalankan termasuklah Pertandingan Memasak Bubur Asyura antara PTJ, gotong-royong dan sesi edaran bubur yang telah disempurnakan oleh barisan pengurusan tertinggi UMP. Selain edaran bubur asyuro, para pengunjung yang rata-ratanya adalah warga UMP turut mendapat cenderahati doa harian.

Semoga program ini dapat menyuntik mahabbah dalam kalangan warga UMP dalam menggalak semangat kerja berpasukan. Mudah-mudahan UMP sentiasa menjadi pilihan utama dan namanya harum semerbak warganya yang cintakan Agama dan Negara.



PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT

Kampung Belimbing, Pekan, 21-23 November 2014 - Seramai 63 orang pelajar UMP beserta 8 orang staf PIMPIN telah menyertai Program Khidmat Masyarakat : University Community Industry Engagement yang telah berlangsung di Kampung Belimbing, Pekan, Pahang yang dianjurkan oleh Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN) UMP dengan kerjasama Jabatan Soft Skills (PBMSK).

Matlamat program ini dijalankan adalah untuk mendedahkan para pelajar tentang kehidupan bersama masyarakat selain mewujudkan hubungan silaturrahim dengan penduduk kampung. Ia juga adalah untuk menjadi medan kepada pelajar dalam menonjolkan diri agar lebih yakin dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat setempat.

Program ini merupakan program berbentuk khidmat masyarakat dan dilaksanakan selama tiga hari dua malam. Para pelajar telah dibahagikan mengikut keluarga angkat yang telah dibahagikan oleh ketua kampung di kampung tersebut. Setiap aktiviti yang dijalankan telah diketuai oleh staf dan juga pelajar yang terlibat. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah program anak angkat, gotong-royong kawasan masjid dan tanah perkuburan, kenduri kampung, sukaneka, Forum Muqarrobun, Malam Kebudayaan Islam dan berbagai lagi aktiviti menarik.

Akhirnya, program ini mendapat maklumbalas yang positif dari masyarakat Kampung Belimbing dan juga pelajar UMP. Segala aktiviti yang dijalankan telah dijalankan dengan lancar dan mencapai sasaran.



SEMINAR SPIRITUAL INTELLIGENT

UMP, 8 Disember 2014 – Seminar Spiritual Intelligent telah berlangsung dengan jayanya bertempat di Blok W-DKU-K-01 UMP Kampus Gambang. Program yang dianjurkan PIMPIN dengan kerjasama Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) ini dirangka dalam usaha memberi penerangan dan pendedahan kepada pelajar bukan muslim di UMP tentang keindahan Islam dan menunjukkan Islam bukanlah sebuah agama yang menzalimi agama lain.

Seminar ini dibarisi oleh ahli panel yang berkepakaran dalam bidang masing-masing yang mewarnai setiap slot iaitu Brother Shah Kirit Kalkulal Govindji bagi mengisi slot 1. Slot ke 2 pula dikendalikan oleh Encik Firdaus Wong Wai. Program ini berjaya menarik seramai hampir 200 hadirin yang semuanya dikalangan pelajar bukan muslim di UMP. Semoga program seperti ini diteruskan lagi pada masa akan datang dalam menyemarakkan lagi majlis-majlis ilmu di bumi UMP khususnya juga kepada pelajar bukan muslim. Turut hadir dalam program ini adalah dikalangan staf-staf PIMPIN.



Seminar Spiritual Intelligent

8 Disember 2014 (Isnin)
8:00 Malam - 11:00 Malam

W-DKU-S-01 Bersama
Brother Firdaus Wong Wai Hung

W-DKU-K-01 Bersama
Brother Shah Kirit Kakulal Govindji

Anjuran :
PUSAT ISLAM DAN PEMBANGUNAN INSAN
Dengan Kerjasama: PUSAT BAHASA MODEN & SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

MISI BANTUAN KEMANUSIAAN BANJIR

UMP, 29 Disember 2014 - Dalam usaha memupuk sifat tolong menolong dan membantu golongan yang dalam kesusahan, Pusat Islam & Pembangunan Insan telah menyertai pihak UMP dalam Misi Bantuan Kemanusiaan untuk membantu mangsa banjir. Program ini dijalankan bagi membantu staf dan masyarakat sekitar Kuantan yang terlibat dengan banjir.

Antara aktiviti yang telah dijalankan termasuklah kutipan sumbangan daripada orang ramai dan sesi memasak makanan bagi staf dan pelajar yang membantu mangsa banjir Misi dilaksanakan selama dua minggu, iaitu sepanjang tempoh banjir yang melanda negeri Pahang. Semoga program ini dapat menyuntik mahabbah dalam kalangan warga UMP dalam menggalak semangat kerja berpasukan serta saling bekerjasama menolong masyarakat yang ditimpa musibah.

PIMPIN menyediakan khidmat memasak bagi sukarelawan yang bertugas selama 20 hari. PIMPIN juga melancarkan kutipan derma dan berjaya mengumpul hampir RM 12,000.00. PIMPIN turut bekerjasama dengan Rakan PIMPIN turut turun padang untuk membantu masyarakat setempat.



1,000 warga UMP sertai perarakan Maulidur Rasul

Universiti Malaysia Pahang, 21 Januari 2015 - Seramai 1,000 warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai perarakan sempena sambutan Maulidur Rasul peringkat universiti di kampus Gambang. Perarakan melibatkan sebanyak 20 kontinjen mewakili pelbagai jabatan dan fakulti diketuai Naib Canselor UMP, Prof. Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim itu berkumpul di masjid universiti kampus berkenaan sebelum bergerak kira-kira dua kilometer menuju ke Kompleks Sukan UMP.

Sempena sambutan itu, beberapa aktiviti turut diadakan seperti persembahan nasyid oleh kumpulan UNIC dan ceramah disampaikan Al-Fadhil Ustaz Syed Abdul Kadir Al-Jofree. Prof. Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, sambutan Maulidur Rasul yang diadakan itu bertujuan menunjukkan kecintaan kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW di samping mengeratkan silaturrahim. Selain itu, program ini juga menunjukkan komitmen kita untuk menjunjung kesepaduan dan ke-satuan umat Islam bagi mempertahankan agama suci ini," katanya ketika berucap pada program tersebut.

Menurutnya lagi, sambutan hari ini juga berlangsung dalam suasana negara dan umat Islam masih berduka dengan musibah banjir yang melanda beberapa buah negeri. "Namun, ujian yang datang ini merupakan peringatn daripada Allah untuk kita lebih mengambil berat terhadap perjuangan memelihara kesucian Islam dengan penuh kesederhanaan," katanya.

Tambah beliau, perpaduan adalah landasan kekuatan umat Islam untuk menghadapi pelbagai cabaran yang wujud pada masa ini. "Kestabilan Malaysia turut bergantung kepada perpaduan umat Islam. Sekiranya perbalahan semasa umat Islam itu berterusan tanpa kesudahan, mana mungkin kesucian agama kita akan dihormati oleh penganut agama lain. "Justeru, kita selaku umat Nabi Muhammad SAW wajar mengenang perjuangan baginda dalam menyebarkan dakwah Islam ke seluruh dunia," katanya.





KARNIVAL MAHABBAH CETUS FENOMENA DAKWAH KONTEMPORARI

UMP, 9 – 14 Mac 2015 – Buat julung-julung kalinya, Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN) telah menganjurkan program Karnival Mahabbah selama satu minggu yang melibatkan warga UMP dan masyarakat setempat. Karnival ini bertujuan untuk mewujudkan rasa kasih dan mahabbah antara warga UMP.

Antara aktiviti-aktiviti yang dianjurkan termasuklah Sirah Rasul bersama Ustaz Don Danial Biyajid, Forum “Isteri K-pop Suami Dangdut” oleh Prof. Mohd Nor, Forum “Mak!! Aku Nak Kahwin oleh IM Hizbur dan penyanyi lagu rakyat Pahang, Roslan Endut, Pertandingan Masakan Iman, Pertandingan Gubahan Taqwa, Ride For Ukhwah, Forum “K-pop vs

Bollywood”, Bicara Alam Metafizik, Jom Lepak @ Masjid dan yang terakhir adalah Konsert Malam Cinta Ilahi bersama kumpulan Raihan.

Program ini telah mendapat liputan meluas dalam media massa dan elektronik dan telah mencetuskan satu fenomena dakwah yang lebih kontemporari dan versatile. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari warga UMP dan masyarakat luar. Semoga program seumpama ini dapat diterap dan diteruskan lagi pada masa akan datang untuk memperhebatkan lagi keizzahan UMP bukan hanya dalam bidang teknologi malah dalam aspek pembinaan modal insan dan pembangunan insaniah.



KURSUS DA'IE MUDA CETUS PENDAKWAH MILLENNIA UMP

Janda Baik, Bentong, Pahang, 10 – 12 April 2015 – Bertempat di Teratak Malaya Resort, Janda Baik, Bentong, Pahang telah berlangsung Kursus Daie Muda. Kursus yang dianjurkan oleh Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN) melibatkan peserta yang terdiri dari Rakan PIMPIN dan wakil persatuan diharapkan dapat memberi pengetahuan dan pendedahan kepada pelajar cara & kongsep berdakwah yang sebenarnya.

Kursus ini telah dihadiri seramai 34 orang pelajar. Lima slot yang disampaikan dalam kursus ini, iaitu slot pertama adalah “Mahasiswa Sebagai Agen Pembangun Ummah”. Slot kedua adalah “Cabaran dalam Membangun Ummah” yang mana slot pertama dan kedua disampaikan oleh En. Suhail bin Kamaruddin yang merupakan Ahli Parlimen Belia Malaysia. Slot ketiga adalah “Asam Garam Membangun Insan di UMP” yang disampaikan oleh En. Ramle bin Abid, Pengarah Pusat Ko-Kurikulum UMP.

Slot keempat disampaikan oleh En. Nazri bin Samsudin, Timbalan Pengarah PIMPIN yang bertajuk “Kreativiti & Inovasi dalam membangun insan”. Slot terakhir di sampaikan oleh Pengarah PIMPIN sendiri iaitu Dr. Mahyuddin bin Ismail dengan tajuk “Merangka Strategi Pembangunan Insan”. Antara acara lain yang diadakan juga adalah “water rafting” ataupun aktiviti membuat rakit dan juga LDK iaitu Ummah Impian. Kursus ini berakhir dengan slot resolusi yang disampaikan oleh peserta, staf-staf PIMPIN dan juga Pengarah PIMPIN sendiri.





DIALOG PERUNDANGAN BERKAITAN AMALAN SIHIR

ILIM, BANGI – 27 April 2015 - Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengadakan program Dialog Perundangan Berkaitan Amalan Sihir. Terdapat tiga slot dalam program ini, bagi slot pertama bertajuk 'Amalan Sihir dari Sudut Perundangan' telah dibincangkan tiga panel yang terdiri daripada Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan, Dr. Mahyuddin Ismail, Ketua Penolong Pengarah (Kanan) Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, Kementerian Kesihatan Malaysia, Dr. Aidatul Azura Abd Rani dan Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia, Tuan Musa Awang.

Dialog sesi kedua membincangkan 'Penganunkan Amalan Sihir sebagai satu Kesalahan' dengan panelnya iaitu Tuan Abbas Noodin, Pengarah Bahagian Keurusetiaan

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Prof. Madya Dr. Abdul Rani Kamaruddin dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Ketua Pendakwa Syarie Negeri Sabah, Tuan Sakaria Semela.

Manakala sesi dialog ketiga dengan tajuk 'Penguatkuasaan & Keterangan terhadap Penyihir' pula melibatkan panelnya iaitu Ketua Pegawai Penguatkuasa, Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Tuan Zamri Kambari, Dr. Zulfakar Ramlee, Penolong Profesor, UIAM dan Tuan Amidon Anan iaitu Mantan Ketua CSI, Makmal Forensik PDRM Bukit Aman. Hadir sama Ketua Hakim Syarie Negeri Pahang, Yang Arif Dato' Hj Abdul Rahman Yunos dan dirasmikan oleh Ketua Pengarah JAKIM, Dato Othman. Program ini adalah sebahagian usaha untuk menyedarkan masyarakat tentang langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak berkuasa dalam membanteras amalan sihir.





DAKWAH UMMAH

Kampung Dato' Shariff Ahmad, Pahang, 8 – 10 Mei 2015 – Pusat Islam & Pembangunan Insan telah menganjurkan Program Dakwah Ummah dengan melibatkan seramai 60 pelajar subjek Kemahiran Insaniah. Program ini adalah inisiatif PIMPIN untuk menerapkan elemen kemahiran dan daya kepimpinan melalui program bersama komuniti.

Para pelajar dikehendaki untuk menyiapkan tugas mengendalikannya sebagai syarat kelulusan subjek Kemahiran Insaniah tersebut. Antara slot-slot program yang terkandung dalam Dakwah Ummah ini adalah Forum Muqarrabin (Rakaman oleh Pahang FM), smart solat, gotong-royong membersihkan kawasan masjid, kenduri kampung, program anak angkat dan Kuliah Maghrib.

Program ini telah turut dihadiri oleh YB. Tuan Syed Ibrahim bin Syed Ahmad merupakan Adun Kerdau, Pahang. Semoga program seumpama ini dapat memberikan suntikan dan kesedaran kepada mahasiswa untuk berkhidmat kepada masyarakat seterusnya diadakan lagi pada masa-masa akan datang.



DIALOG MENYINGKAP RAHSIA PERJALANAN ISRA' & MI'RAJ



UMP, 19 Mei 2015 – Pusat Islam & Pembangunan Insan membawakan program Dialog Menyingkap Rahsia Perjalanan Isra' dan Mi'raj bersempena sambutan Isra' dan Mi'raj. Program ini menampilkan jemputan istimewa iaitu Datuk Dr. Syeikh Mudzafar Shukor (Angkasawan Negara), beliau berkongsi pengalaman beliau ketika berada di angkasa. Dr Jahid Sidek seorang ilmuwan Islam mengupas tentang "Rahsia Perjalanan Alam Jasmani dan Rohani dalam Isra' Mikraj" dan Ustaz Ahmad Irfan bin Ikmal Hisyam, "Rahsia antara Masjidil Haram dan Masjidil Aqsa".

Perkongsian berkisarkan tentang pengalaman berada di angkasa oleh Datuk Sheikh Mudzafar, manakala Dr Jahid menceritakan tentang sejarah Isra' dan Mi'raj yang telah berlaku kepada Rasulullah (SAW) dalam konteks rohani.





DAKWAH UMMAH II SEMAI SEMANGAT CINTAKAN KOMUNITI

Kampung Sentosa, Maran, Pahang, 22-24 Mei 2015 – Pusat Islam & Pembangunan Insan telah menganjurkan Program Dakwah Ummah II dengan melibatkan seramai 79 pelajar subjek Kemahiran Insaniah. Program ini adalah inisiatif PIMPIN untuk menerapkan elemen kemahiran dan daya kepimpinan melalui program bersama komuniti.

Para pelajar dikehendaki untuk menyiapkan tugas mengendalikannya sebagai syarat kelulusan subjek Kemahiran Insaniah tersebut. Antara slot-slot program yang terkandung dalam Dakwah Ummah 2 ini adalah Forum Muqarrabin (Rakaman oleh Pahang FM), pertandingan memasak dan mewarna, smart solat, sukaneka, malam kebudayaan, gotong-royong, kenduri kampung, program anak angkat dan Kuliah Maghrib.

Program ini telah turut dihadiri oleh YB. Dato' Sri Ismail Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia merangkap Ahli Parlimen Maran dan juga YB Nurhidayah Shahaimi yang merupakan ADUN Luit. Semoga program seumpama ini dapat memberikan suntikan dan kesedaran kepada mahasiswa untuk berkhidmat kepada masyarakat seterusnya diadakan lagi pada masa-masa akan datang.



LADIES DAY

UMP Gambang, 23 Mei 2015 - Program Ladies Day telah berlangsung dengan jayanya bertempat Masjid UMP Gambang dan DKU K-01, UMP Gambang. Program kali ini menampilkan penceramah yang tidak asing lagi iaitu Ustazah Laila Aniza (Personaliti Tanyalah ustazah TV9), Puan Muna Izzah Fadzil (Perunding Imej) serta selebriti terkenal Diana Amir.

Program ini dihadiri seramai 150 orang. Program ini dibahagikan kepada tiga slot iaitu mengenai Fiqh Wanita, Personaliti Diri Wanita dan sembang santai bersama Diana Amir. Turut diadakan pertandingan chess, pertandingan busana muslimah, senamrobik dan photo booth. Program yang berlangsung selama satu hari ini telah berjalan dengan penuh meriah dan mendapat sambutan luar biasa dari warga UMP.

Ladies day "Unleash Your Confidence" SATURDAY 23 MAY 2015 SAVE THE DATE	I'm not a Girl! Not yet a Woman 9:00 AM - 11:00 AM @Masjid UMP Gambang Ustazah Laila Aniza Personaliti Tanyalah ustazah TV9	Girl Versatile 2:15 PM - 4:30 PM @Masjid UMP Gambang Puan Muna Izzah Perunding Imej	Masquerade Night 8:30 PM - 11:00 PM @WDKUK-01 Diana Amir Selebriti terkenal	Aktiviti menarik menanti anda Pertandingan Busana Muslimah Pertandingan Gubahan Suqoku Chess Senamrobik Photo booth Gera Jualan Salung
---	--	--	--	---



SANTAI AKUSTIKA DEDAHKAN HIBURAN MENDIDIK JIWA

UMP, 28 Mei 2015 – Pusat Islam & Pembangunan Insan dengan kerjasama Rakan PIMPIN telah menganjurkan Santai Akustika. Program ini adalah satu inisiatif PIMPIN dalam rangka menyediakan hiburan yang mampu mendidik jiwa warga UMP. Dengan kombinasi irama nasyid akustik dan perkongsian rohani oleh Al-Fadhil Ustaz Ahmad Irfan Ikmal Hisham ini berjaya menarik minat ramai belia terutama mahasiswa UMP ke arah menghayati nasihat yang disampaikan melalui tazkirah dan lagu.

Perkongsian rohani oleh Ustaz Irfan telah mengupas tajuk “Anak Emak VS Anak Bapak” dan turut dimeriahkan dengan persembahan nasyid akustik oleh Kumpulan Nasyid UMP “Baraqah Beggers”. Kumpulan ini pernah dinobatkan sebagai Naib Juara dalam Festival Nasyid IPTA yang diadakan di UiTM Pulau Pinang pada tahun 2014.



PIMPIN ANJUR SEMINAR BAITUL MUSLIM

UMP Gambang, 25-27 Ogos 2015 – Bertempat di Dewan Astaka, UMP Kampus Gambang telah berlangsungnya Seminar Baitul Muslim yang telah dianjurkan oleh Pusat Islam & Pembangunan Insan dengan kerjasama BKSU dan MATAHARI. Seminar yang dianjurkan ini telah membincangkan dan memberi pendedahan kepada peserta tentang isu kekeluargaan, poligami, pengurusan kewangan dan juga kerjaya.

Seminar yang berlangsung selama tiga hari ini dihadiri oleh pelbagai agensi luar, staf UMP serta pelajar UMP. Pada hari pertama seminar, sebanyak tiga slot yang telah disampaikan, iaitu slot pertama adalah “Suamiku Mr Perfect” disampaikan oleh Ustaz Hj Mohd Zamri Mohd Zainuddin. Slot kedua adalah “Isteri, Wanita & dot dot dot” disampaikan oleh Pn Suzana Ghazali merupakan Perunding Psikologi Keluarga dan Guaman Syarie. Slot ketiga adalah bertajuk “Anak-Anak Ku Comel” yang disampaikan oleh Ustaz Mohd Rizzal Mohd Ali Nafiah.

Pada hari kedua, seminar dimulakan dengan slot pertama bertajuk “Duhai Bonda Duhai Ayahanda” yang telah

disampaikan oleh Ustaz Uwais Al Qarni. Slot kedua yang bertajuk “Kerjaku Ibadahku” telah memberi kesan kepada peserta tentang bagaimana menjadikan kerjaya itu sebagai ibadah dan juga legasi pahala. Ianya disampaikan oleh penceramah jemputan, Ustaz Abdul Halim Abdul Hafidz, Penasihat Agama iM4U. Slot ketiga bertajuk “Poketku Kosong” yang disampaikan oleh Encik Abdul Muzahar Abdul Rahman. Slot ini telah memberi pendedahan kepada peserta tentang pengurusan kewangan yang baik memabitkan matlamat kewangan masa panjang serta bagaimana merancang pembelanjaan yang bijak.

Hari terakhir seminar ini telah membincangkan isu yang mendapat perhatian ramai iaitu isu poligami. Slot pertama disampaikan oleh Tuan Guru Dr. Jahid Haji sidek, yang bertajuk “Poligami : Antara Nafsu & Keperluan”. Seminar ini juga dimeriahkan lagi dengan kehadiran selebriti jemputan, Asraf Muslim untuk berkongsi pengalaman tentang masam manis poligami. Seminar ini berakhir dengan ucapan penutup yang disampaikan oleh Dr. Mahyuddin Ismail, Pengarah PIMPIN.



FESTIVAL RAMADHAN 1436H PENUH BERMAKNA





Universiti Malaysia Pahang, 18 Jun - 12 Julai 2015 - Bersempena kedatangan Ramadhan, Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) telah menganjurkan Festival Ramadhan. Pelbagai aktiviti menarik yang terdapat di dalam festival Ramadhan ini antaranya ialah Diskusi di Ambang Ramadhan, Iftar Jamaie, Tadarus Al-Quran, TV Pimpin, Bubur Lambuk Komuniti, Jejak Asnaf Fakir Miskin, Diskusi Rahsia Keajaiban Al-Quran, Majlis Khatam Al-Quran dan Solat Tarawih. Festival Ramadhan yang dimulakan dengan Diskusi di Ambang Ramadhan ini dihadiri seramai 50 orang peserta yang telah berlangsung di Auditorium Perpustakaan UMP, Gambang dengan menampilkan dua penceramah yang tidak asing lagi iaitu Ustaz Uwais Al-Qarni yang merupakan pengasas Maahad Tahfiz dan Ustaz Halim Din yang merupakan pendakwah bebas.

Program Iftar Jamaie pula merupakan program yang dianjurkan oleh PIMPIN memberi peluang kepada staf-staf UMP dari setiap jabatan bagi menyediakan juadah

berbuka puasa kepada warga UMP. Program ini bermula 1 sehingga 25 ramadhan. Program ini merupakan tradisi yang harus dikekalkan bagi membantu pelajar-pelajar yang berpuasa untuk menikmati juadah berbuka puasa. Di antara program lain yang mendapat sambutan adalah Tadarus Al-Quran. Tadarus Al-Quran ini di sertai oleh staf dan pelajar UMP. Ia dijalankan dengan 2 sesi iaitu petang selepas zohor bagi staf dan malam selepas maghrib bagi pelajar .

Sepanjang bulan ramadhan juga PIMPIN menganjurkan siaran TV PIMPIN dengan penceramah untuk membaca al-quran dan menyampaikan tazkirah. Program ini dipancarkan secara langsung dan boleh disaksikan oleh warga-warga UMP melalui laman web yang disediakan. Buat julung kalinya juga Pusat Islam dan Pembangunna Insan dengan kerjasama Jabatan Pendaftar menganjurkan program bubur lambuk komuniti dengan mengagihkan 3000 bekas bubur lambuk kepada umat islam di sekitar Bandar Kuantan Pahang. Program ini dihadiri

oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan Adun Panching, YB Mohd Zaili bin Besar.

Program Jejak Asnaf telah anjurkan dengan matlamat menyampaikan sumbangan kepada asnaf di sekitar Kuantan dan Pekan. Pada kali ini, Pusat Islam & Pembangunan Insan dengan kerjasama jabatan pendaftar dan Persatuan Wanita UMP (MATAHARI) telah bersama-sama memberi sumbangan kepada 11 asnaf yang layak. Program ini juga secara tidak langsung membantu keluarga terbabit dalam persiapan raya agar hari raya kali ini disambut dengan lebih ceria.

Festival Ramadhan ini berakhir Dengan Program Diskusi Rahsia Keajaiban Al-Quran Dan Majlis Khatam Al-Quran Staf Dan Pelajar. Program Diskusi Rahsia Keajaiban Al-Quran diadakan Sempena Nuzul Al-Quran. Majlis khatam al-quran pula dijalankan selepas program diskusi rahsia keajaiban al-quran dengan penyampaian hadiah kepada staf dan pelajar yang menyertai tadarus al-Quran.

PIMPIN SAMBUT MAJLIS HARI RAYA BERSAMA KAMPUNG ANGKAT



Kampung Dato' Sharif Ahmad, Kuala Krau, Pahang, 15 Ogos 2015 – Pusat Islam & Pembangunan Insan telah menganjurkan Program Sambutan Hari Raya bersama Kampung Dato' Sharif Ahmad, Kuala Krau dengan melibatkan seramai 40 orang pelajar Kemahiran Insaniah, UMP yang merupakan anak-anak angkat kampung tersebut. Program ini adalah inisiatif PIMPIN untuk menerapkan elemen kemahiran insaniah dan daya kreativiti pelajar terhadap masyarakat sekeliling selain merupakan kesinambungan daripada Program Dakwah Ummah yang telah dijalankan bersama 3 kampung angkat sebelum ini. Oleh yang demikian, sambutan hari raya bersama

penduduk kampung angkat ini adalah salah satu inisiatif PIMPIN untuk mengekalkan hubungan baik di antara UMP dan komuniti setempat.

Para pelajar dilihat telah melakukan tanggungjawab sosial dengan membantu persiapan majlis dan keraian. Menurut Dato' Azman yang merupakan Penghulu Mukim, kerjasama erat antara UMP dan komuniti penting dalam menyumbang bakat dan perkongsian kepakaran dalam memajukan komuniti setempat. Ini bertepatan dengan hasrat Naib Canselor menjadikan UMP sebagai sebuah Universiti Komuniti.

Program ini telah turut dihadiri oleh YB.

Dato' Haji Mohamed Bin Haji Jaafar, Timbalan YDP DUN Pahang selaku perasmis serta YB. Dato' Syed Ibrahim Bin Syed Ahmad yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Dakwah Islamiah dan Tugas-Tugas Khas Negeri. Turut hadir, Dr. Mahyuddin bin Ismail, Pengarah PIMPIN bersama seluruh staf PIMPIN.

Semoga program seumpama ini dapat memberikan suntikan dan kesedaran kepada mahasiswa untuk berkhidmat kepada masyarakat seterusnya diadakan lagi pada masa-masa akan datang. Program diakhiri dengan majlis perasmian penutup dan salam perpisahan di antara pelajar dan keluarga angkat.

SANTAI AKUSTIKA MERIAH DI UMP PEKAN

UMP Pekan, 17 September 2015 - Lebih 218 orang hadir ke program bersama Tuan Amin Idris, Personaliti TV Al-Hijrah dalam program Santai Akustika yang merupakan anjuran Pusat Islam & Pembangunan Insan. Tuan Amin Idris umum mengetahui sering bersiaran secara langsung di kaca televisyen menerusi rancangan "Assalamualaikum" terbitan TV Al-Hijrah. Program yang dihadiri dari pelbagai latar belakang mahasiswa ini telah membincangkan tajuk yang cukup istimewa iaitu "Forum Zero To Hero" serta menampilkan Kumpulan Nasyid Baraqah Beggars sebagai jemputan khas. Menurut penganjur, tajuk ini dipilih bertepatan dengan pendaftaran pelajar baru dan pelajar kanan selain memberikan pendedahan dan nasihat bernas kepada mahasiswa agar menjadi mahasiswa kelas pertama yang luar biasa.

Menurut Tuan Amin, setiap insan termasuklah mahasiswa perlu mencurahkan bakti untuk masyarakat sebagai suatu bentuk sumbangan khidmat sosial. Ini kerana manusia secara fitrahnya saling memerlukan antara satu sama lain dan mahasiswa harus terlebih dahulu menjadi pencetus yang mencerminkan personaliti dan imej diri yang selayaknya digalas oleh mereka yang bergelar mahasiswa kelas pertama malah menjadi keutamaan dalam arena dakwah Islamiah. Majlis berakhir dengan persembahan penutup yang telah disempurnakan oleh Kumpulan Nasyid Baraqah Beggars

pimpin.ump.edu.my'. Logos for 'Universiti Malaysia PAHANG' and 'PIMPIN' are visible in the top right corner."/>



Karnival Mahabbah 2.0

Pusat Islam & Pembangunan Insan

Universiti Malaysia PAHANG

PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN

expoconvo15



13-18
OKTOBER
2015

UMP
KAMPUS
GAMBANG

BERSEMPENA KONVOKESYEN UMP 2015

Bicara Santai
Bersama
Adam AF2
13 Oktober 2015
9:00 Malam

Pertandingan
Memasak
Bubur Asyura
14 Oktober 2015
9:00 Pagi

30 Minit Bersama
Ustaz Don
(Rakaman TV Al-Hijrah)
15 Oktober 2015
9:00 Pagi

Dikir Zikir
bersama Munada
& Nasir Bilal Khan
15 Oktober 2015
9:00 Malam

Diskusi Ilmiah:
Histeria: Realiti
atau Fantasi?
16 Oktober 2015
9:00 Pagi

Ladies Day
(Wanita sahaja)
16 Oktober 2015
12:30 Tengahari

Slot
Kalau Dah Jodoh:
Bersama
Ustaz Dato' Kazim Elias
16 Oktober 2015
9:00 Malam

Konsert
Malam Cinta Ilahi
Bersama
Kumpulan In-Team
17 Oktober 2015
9:00 Malam

Slot
Semanis Kurma
"Mertua vs Menantu"
18 Oktober 2015
9:00 Pagi

Semua
Dijemput
Hadir

Dengan Kerjasama :



UNTUK MAKLUMAT, SILA HUBUNGI:
09 549 2642
UNTUK PENYERTAAN, SILA LAYARI:
pimpin.ump.edu.my

KARNIVAL MAHABBAH 2.0 MERIAH

UMP Gambang, 13-18 Oktober 2015 – Bersempena Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang Kali Ke-10, Pusat Islam & Pembangunan Insan telah menganjurkan Karnival Mahabbah 2.0 dengan kerjasama Expoconvo UMP. Pada kali ini PIMPIN telah diberi peluang mengisi slot-slot utama serentak dengan Expoconvo UMP yang turut berlangsung. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah Bicara Santai bersama Adam AF2, Gotong-Royong Memasak Bubur Asyuro, 30 Minit Bersama Ustaz Don, Dikir-Zikir Bersama Munada & Nasir Bilal Khan (Tok Adi), Diskusi Ilmiah bertajuk Histeria: Antara Realiti/Fantasi, Ladies Day bersama Ainan Tasnim, Kalau Dah Jodoh bersama Datuk Ustaz Kazim Elias, Konsert Malam Cinta Ilahi dan yang terakhir Semanis Kurma bersama Dato' Siti Nor Bahiyah.

Dengan bertemakan dakwah berkonsep kontemporari, penganjuran program yang dijalankan bersempena Majlis Konvokesyen UMP Kali Ke-10 ini dilihat memecah tradisi UMP dengan menyaksikan pengisian slot berunsur ilmiah mendominasi acara-acara utama expo. Ini bertepatan dengan harapan universiti menerusi nilai terasnya pertama iaitu "Hubungan yang kuat dengan Yang Maha Mencipta". Ini penting dalam memperkasa budaya ilmu pengetahuan seiring dengan perkembangan pembangunan insan dikalangan warga kampus. Semoga program-program berunsur kerohanian dan pembudayaan ilmu seperti ini terus subur di bumi UMP sejajar dengan matlamat Pusat Islam & Pembangunan Insan "Melahirkan warga universiti yang bertaqwa".



PROGRAM IBADAH QURBAN PIMPIN & YaPEIM



- MALAYSIA • CAMBODIA •
- THAILAND • INDONESIA •
- TIMOR LESTE • VIETNAM •

MALAYSIA	THAILAND	CAMBODIA	TIMOR LESTE	INDONESIA	VIETNAM
RM 3,700	RM 3,500	RM 2,240	RM 3,220	RM 3,700	RM 3,080
SEBUKUR	SEBUKUR	SEBUKUR	SEBUKUR	SEBUKUR	SEBUKUR
SATU BAHAGIAN	SATU BAHAGIAN	SATU BAHAGIAN	SATU BAHAGIAN	SATU BAHAGIAN	SATU BAHAGIAN

SILA HUBUNGI:

018 903 4955 (Ustaz Shahrul)

019 907 1543 (Ustaz Abdu)

DAFTAR SEBELUM : 21 SEPTEMBER 2015

PROGRAM IBADAH KORBAN 2015 BERSAMA YAPEIM

Universiti Malaysia Pahang, 21 September 2015 - Program Ibadah Korban 1436H pada kali ini berjalan seperti biasa namun ada kelainan sedikit dari tahun sebelumnya kerana tiada aktiviti gotong royong penyembelihan lembu secara besar-besaran kerana tarikh korban jatuh pada hari cuti umum. PIMPIN mengambil inisiatif lain dengan membuat program ibadah korban ke luar negara dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Islam Malaysia (Yapeim). Program ini turut mendapat sambutan di kalangan staf UMP. Semoga program ini dapat memberi peluang dan kesedaran kepada seluruh warga UMP untuk bersama membantu golongan yang di dalam kesusahan.

PROGRAM-PROGRAM BERSIRI SIRI 1

117 HADIR PROGRAM ANDA TANYA USTAZ JAWAB

UMP Pekan, 13 Februari 2015 - Program Anda Tanya Ustaz Jawab telah berlangsung dengan jayanya bertempat di DK300, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, UMP Pekan. Program ini adalah kesinambungan Program Tanyalah Ustaz yang telah diadakan pada sesi yang lalu. Pada kali ini, Pusat Islam & Pembangunan Insan dengan kerjasama Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta telah mempererat lagi hubungan dengan menampilkan penceramah selebriti iaitu Al-Fadhil Ustaz Attan Thowi atau dikenali dengan PU Towi yang merupakan peserta Pencetus Ummah Astro Musim Pertama.

Program yang dihadiri seramai 117 orang peserta ini telah dihidangkan dengan kupasan tajuk hangat Rotan Sebagai Alat Untuk Mendidik yang sekaligus telah menggamatkan lagi suasana majlis. Pada sesi pertama, penceramah telah menghuraikan peranan-peranan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak dan isu semasa yang melibatkan konteks perundangan. Pada sesi kedua, para hadirin diberi peluang mengajukan persoalan-persoalan sesuai dengan konsep program. Program berakhir dengan persembahan khas nasyid daripada kumpulan Barakah Beggars yang merupakan kumpulan nasyid bimbingan Unit Kebudayaan, UMP.

SIRI 2



ANDA TANYA USTAZ JAWAB BERSAMA PU LOKMAN

UMP Gambang, 27 Februari 2015 - Program Anda Tanya Ustaz Jawab telah berlangsung dengan jayanya bertempat di Auditorium Perpustakaan Kampus Gambang. Pada kali ini, Pusat Islam & Pembangunan Insan dengan kerjasama Jabatan Pendaftar telah mempererat lagi hubungan dengan menampilkan penceramah selebriti iaitu Al-Fadhil Ustaz Lokman atau dikenali dengan PU Lokman yang merupakan Pencetus Ummah Astro Musim Kedua.

Program yang dihadiri seramai 80 orang peserta ini telah dihidangkan dengan kupasan tajuk Terbabas Kerana Smartphone. Penceramah mengupas tentang bagaimana menjadikan smartphone sebagai bahan yang memberi manfaat dan faedah kepada masyarakat. Program berakhir dengan slot soal-jawab daripada peserta.



SIRI 3



ANDA TANYA USTAZ JAWAB BERSAMA DA'I AMMAR

UMP Pekan, 27 Mac 2015 - Program Anda Tanya Ustaz Jawab telah berlangsung dengan jayanya bertempat di DK300, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, UMP Pekan. Pada kali ini, Pusat Islam & Pembangunan Insan dengan kerjasama Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) telah mempererat lagi hubungan dengan menampilkan penceramah selebriti iaitu Da'i Ammar bin Ismail yang merupakan Finalis Da'i Pendakwah Millenia TV3 musim kedua.

Program yang dihadiri seramai 123 orang peserta ini telah dihidangkan dengan kupasan tajuk Selangkah Ke Syurga Selangkah ke Neraka. Pada sesi pertama, moderator mengajukan beberapa persolan yang berkaitan tentang tajuk yang dikupas. Pada sesi kedua, para hadirin diberi peluang mengajukan persoalan-persoalan sesuai dengan konsep program.

Program berakhir dengan penyerahan cenderahati kepada penceramah jemputan yang disampaikan oleh Dr. Mahyuddin Ismail, Pengarah PIMPIN.

SIRI 5

81 HADIR ANDA TANYA USTAZ JAWAB VERSI RAMADHAN

UMP Pekan, 29 Mei 2015 - Program Anda Tanya Ustaz Jawab telah berlangsung dengan jayanya bertempat di DK300, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, UMP Pekan. Pada kali ini, Pusat Islam & Pembangunan Insan dengan kerjasama Fakulti Kejuruteraan Mekanikal telah mempererat lagi hubungan dengan menampilkan penceramah yang tidak asing lagi iaitu Al-Fadhil Ustaz Azhar Jaafar yang merupakan Dekan, Pusat Pengajian Umum, Kolej Antarabangsa IKIP.

Program yang dihadiri seramai 81 orang peserta dengan turut disertai pengunjung dari agensi kerajaan sekitar Pahang ini telah mengupas tajuk "Syoknya Ramadhan". Program yang dimoderatkan oleh Dr. Ramdan bin Razali dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik ini telah berjaya memberikan kefahaman dan pencerahan kepada peserta berkaitan persediaan menghadapi Ramadhan serta kelebihan yang terkandung di dalamnya sekaligus berjaya membawa mereka mengalami kenikmatan Ramadhan.

SIRI 4

LEBIH 161 HADIR ANDA TANYA USTAZ JAWAB DI UMP PEKAN



UMP Pekan, 24 April 2015 - Lebih 161 orang hadir ke program bersama Ustaz Halim Hafidz, Ikon 1M4U dalam program Anda Tanya Ustaz Jawab. Selama 2 hari program ini berlangsung, terdapat pelbagai gerai jualan, pasar bergerak FAMA dan juga perkhidmatan bekam dan salun muslimah. Program yang dihadiri dari pelbagai agensi dan orang-perseorangan ini telah membincangkan tajuk yang cukup istimewa iaitu "Jutawan Dari Syurga".

Menurut Ustaz Halim Hafidz yang juga merupakan penyampai slot Motivasi Pagi IKIM.fm, setiap insan yang dilahirkan di dunia ini layak untuk menjadi kaya. Kerana kekayaan itu menjadi simbol personaliti dan imej diri seseorang. Alangkah bertuahnya Islam yang memiliki aset penganutnya yang kaya dan hartawan sekaligus mempamerkan Islam itu agama yang tinggi nilainya. Menurutnya lagi pengertian Zuhud telah disalah tafsir oleh sebilangan orang yang jumud dengan membataskan konteks ukhrawi tanpa mempedulikan aspek duniawi. "Saya berikan anda satu analogi supaya mudah memahami zuhud, Si A yang kaya mampu membeli Ferrari namun memilih untuk membeli Alphard dengan mengenyepikan keinginan yang tinggi pada citarasanya berbanding si B yang hanya bergaji sekitar 1K memilih membeli Vios yang ansuran bulannya melebihi separuh pendapatannya. Sudah tentu si A adalah seorang yang zuhud."katanya.

Program ini telah dimoderatkan oleh En. Edeazry Hamzah, Pen. Peg. ICT, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, UMP yang berkonsepkan bual bicara santai dan dihiasi dengan sesi soal jawab yang diajukan oleh peserta yang berkisar kemusykilan agama. Majlis berakhir dengan penyampaian cenderahati dan cabutan bertuah kepada peserta. Turut hadir En. Zainuddin Mat Husin, Timbalan Pendaftar BPKP dan barisan pegawai-pegawai UMP.



LENSA PIMPIN




Perbincangan Santai Bersama Penasihat Belia Negara



Ketika Majlis Bacaan Yaasin & Doa Selamat Di KPU UMP Kampus Pekan



Jamuan ringan Ketika Lawatan Ke Pusat2 Islam



Slot Mengaji Setiap Pagi Khamis



Pemberian Sumbangan Kepada Ashraf



Pakaian Tema Arab Sempena Sambutan Hari Raya Ump



Lawatan Ke UTM Skudai Johor



Lawatan



Sambutan Hari Raya PIMPIN



Hari Akhir Karnival Mahabbah



Bersama Ust Don Dalam Kar



Ziarah Anak Staf Yang Sakit



Perjumpaan dengan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)



Lawatan Ke UTHM



Program Pengukuhan Organisasi Pimpin 2015



Lawatan Ke UTEM, Melaka



Bersama Pengarah YADIM



Sambutan Hari Lahir Staf



Am Karnival Mahabbah 1



Majlis Penghargaan Kpd Pentazkirah Kuliah di Masjid UMP



Sambutan Hari Raya UMP

SIRI 6

101 HADIR PROGRAM ANDA TANYA USTAZ JAWAB VERSI MERDEKA

UMP Pekan, 28 Ogos 2015 - Lebih 101 orang hadir ke program bersama Ustaz Muhamad Syaari Ab Rahman, Penyampai Slot Ibrah, IKIM.fm dalam program Anda Tanya Ustaz Jawab yang merupakan anjuran bersama Pusat Islam & Pembangunan Insan dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan. Sepanjang program ini berlangsung, terdapat, booth untuk sesi pemeriksaan kesihatan secara percuma yang disediakan oleh Darul Makmur Medical Centre(DMMC). Program yang dihadiri dari pelbagai agensi dan orang-perseorangan ini telah membincangkan tajuk yang cukup istimewa iaitu "Muhammad Al-Fateh Ikon Merdeka". Menurut penganjur, tajuk ini dipilih bertepatan dengan Bulan Kemerdekaan yang sedang berlangsung selain mengambil ruh pembukaan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh dalam membina empayar Islam.

Menurut Ustaz Syaari yang juga merupakan Pakar Penyelidik Sejarah Usmaniah, setiap insan yang dilahirkan di dunia ini layak bergelar pemimpin. Kerana bakat kepimpinan itu menjadi simbol personaliti dan imej diri seseorang serta menjadi keutamaan dalam arena dakwah Islam. Alangkah bertuahnya Islam yang memiliki aset penganutnya yang kaya jati diri dan berpemikiran strategik sekaligus mempamerkan Islam itu agama yang tinggi nilainya.

Program ini telah dimoderatoran oleh Dr. Mahyuddin Ismail selaku Pengarah PIMPIN UMP yang berkonsepkan bual bicara santai dan dihiasi dengan sesi soal jawab yang diajukan oleh peserta yang berkisar kemusykilan agama. Majlis berakhir dengan penyampaian cenderahati yang telah disempurnakan oleh En. Zulkifli bin Md Yusuf yang merupakan Ketua Program Mekatronik, FKP.

SIRI 7

BAHANA 3S: SAKA, SANTAU, SUSUK

UMP Pekan, 6 November 2015 – Pusat Islam & Pembangunan Insan dan Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta sekali lagi berganding bahu memeriahkan lagi Program Anda Tanya Ustaz Jawab kali terakhir bagi sesi 2015. Pada kali ini, dengan tema yang istimewa, tajuk Bahana 3S: Saka, Santau, Susuk telah dipilih untuk disampaikan kepada para peserta. Bertepatan dengan suasana dan situasi yang berlaku pada ketika dan saat ini, PIMPIN merasakan perlu kepada satu program pencerahan dan teknik yang betul kepada orang ramai supaya bersedia dan menghadapi situasi paranormal berlandaskan syariat.

Menurut Dr. Mahyuddin Ismail, bentuk-bentuk gangguan makhluk halus yang berleluasa dalam masyarakat pada hari ini hadir dalam bentuk saka keturunan, perbomohan, kerasukan dan amalan sihir yang dipercayai berpunca daripada peralatan lama seperti persenjataan, kain/kertas, barang kemas serta barang perhiasan yang berkemungkinan mempunyai elemen-mistis. Beliau menasihatkan supaya sebarang insiden tidak normal yang berlaku diselesaikan menerusi pencegahan seperti membuang/membakar barang-barang milik mangsa yang disyaki mempunyai unsur sihir seperti yang telah disebutkan.

Semoga program-program berunsur kerohanian dan pembedayaan ilmu seperti ini terus subur di bumi UMP sejajar dengan matlamat Pusat Islam & Pembangunan Insan "Melahirkan warga universiti yang bertaqwa". Turut hadir Encik Zainuddin Mat Husin, Timbalan Pendaftar, Jabatan Pendaftar, Encik Ahmad Nasrullah, Jurutera JPPH, pegawai-pegawai universiti serta pelbagai agensi sekitar Pekan yang telah dijemput ke program ini.

PROGRAM BERSIRI
JOM LEPAK @ MASJID

JOM LEPAK
@MASJID JAMEK SG LEMBING
24-25 APRIL 2015

09:00 MALAM
24 APRIL 2015
"FORUM MUQARRABIN"
KHALIFAH MENTADIBIR
BUMI
PENAMPILAN KHAS :
PU LOQQAN

04:30 PAGI
25 APRIL 2015
"EKSPEDISI SUNGAI LEMBING"
SUNGAI LEMBING

06:30 PAGI
25 APRIL 2015
"PENDAKIAN BUKIT PANORAMA"
INDAHNYA PANORAMA

SEMUA DIJEMPUT HADIR

Universiti Malaysia PAHANG
PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN

SEMPENA ISRAK MIKRAJ
JOM LEPAK
@MASJID.UMP.PEKAN

15 MEI 2015 9.00 MALAM
"KAU KEKASIHKU"
PENAMPILAN KHAS
IMAM MUDA NAJDI

QIAMULAIL.RIADAH.GOTONG ROYONG
16 MEI 2015

Universiti Malaysia PAHANG
PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN

JOM LEPAK
@MASJID.UMP.PEKAN

15 MEI 2015 9.00 MALAM
"KAU KEKASIHKU"
PENAMPILAN KHAS
PENCETUS UMMAR SUFIAN

TAAJUD CINTA
RIADAH
GOTONG-ROYONG
16 MEI 2015

SEMUA DIJEMPUT HADIR. SILA HUBUNGI : 013-4452183 -RUSDAN-

Universiti Malaysia PAHANG
PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN

Semua Dijemput Hadir
JOM LEPAK
@MASJID

18-19 SEPTEMBER 2015
4-5 ZULHIJAH 1436 HIJRAH
MASJID AS-SYAKIRIN, TANJUNG SELANGOR
& PANTAI AIR LEEJA, PEKAN

FORUM PERDANA
PANEL 1 : DR. HANFUDIN BIN ISRAK
PENSYOKER LUMBUH LUMBUH
PANEL 2 : AL-FARUQ USMAN DR. HUSAMUDDIN
HILMI BIN MAZ SAUD

GOTONG ROYONG MASJID,
TANAH PERKUBURAN & PANTAI
JAMUAN BBO

Merit Disediakan

Sila Daftar di pimpin.ump.edu.my

Universiti Malaysia PAHANG
PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

MENU MALAM JUMAAT

Universiti Malaysia PAHANG
PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN

Menu Malam JUMAAT

Setiap Khamis . 7:30-9:00 Malam

Qasidah
Selawat & Tausidah

Bacaan Yassin
Ayat Manzil & Tahlil

Iftar, Jama' RM20
Jama' IFTAR JAMA'IE SATU TALAM

Untuk Maklumat Lanjut, Sila Hubungi :
PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN (PIMPIN)

KAMPUS GAMBANG		KAMPUS PEKAN	
No. Tel :	No. Fax :	No. Tel :	No. Fax :
09 549 2642	09 546 2644	09 424 5731	09 424 5732
09 549 2609			

SEMUA MAHASISWA/SISWI
DIJEMPUT HADIR





Program **Ladies Moment**

Universiti Malaysia PAHANG
PUSAT ILMU & PEMANGKUAN ISLAM

17 April 2015 (Jumaat)
12.30 tengahari - 2.00 petang
DK 1, FKEE, UMP Kampus Pekan

Penceramah:
DR. ZURAINA BT ALI
Pensyarah, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan

"Priority Cinta : Buang Emak Buang Saudara"



Program **Ladies Moment**

Universiti Malaysia PAHANG
PUSAT ILMU & PEMANGKUAN ISLAM

20 November 2015 (Jumaat)
12.30 tengahari - 2.00 petang
DK 1, FKEE, UMP Kampus Pekan

oleh:
DA'I HIDAYU
Finalis Da'i 2015

"Wanita Idaman Srikandi Syurga"



PROGRAM KERJASAMA DENGAN BAHAGIAN PENGURUSAN BAKAT (BPB)

KURSUS TERAPI JIWA MELALUI KAEDAH KESUFIAN



KURSUS FIQH WANITA



KURSUS MUKMIN PROFESIONAL



KURSUS KEMAHIRAN AL-BAGHDADI



KURSUS PENGURUSAN PUSAKA, WASIAT DAN HIBAH



KURSUS SOLAT DARI PERSPEKTIF SAINS



PROGRAM KERJASAMA BERSAMA JABATAN PERPUSTAKAAN

SEMINAR KELUARGA KOMUTER



BUATAN ORANG ATAU BUATAN SENDIRI?

Oleh: Dr Mahyuddin bin Ismail

Sewaktu menunggu giliran untuk membuat urusan di kaunter KWSP Pahang, saya terdengar perbualan dua orang wanita yang duduk di hadapan saya. Perbualan mereka itu menarik perhatian saya kerana ianya berkaitan ilmu hitam. Mereka bercerita tentang saudara mereka yang jatuh sakit secara tiba-tiba selepas pulang dari sebuah negeri di utara semenanjung. Mangsa dikatakan mengalami muntah-muntah darah dan batuk berpanjangan. Menurut mereka, mangsa telah dibawa bertemu beberapa orang perawat dan semua perawat mengatakan bahawa mangsa terkena buatan orang. Saya yakin para pembaca juga biasa mendengar cerita sedemikian. Persoalan yang timbul, adakah dakwaan terkena buatan orang itu benar? Tidakkah kita terfikir ianya mungkin berpunca dari buatan sendiri?

Seorang pengkaji dari Barat, William Shaw telah mengkaji amalan mistik masyarakat Melayu-Islam. Dalam bukunya *Aspects of Malaysian Magic* halaman 49, beliau menyatakan bahawa sebilangan masyarakat di Malaysia percaya bahawa mereka telah menjadi mangsa ilmu hitam dan telah mencari jalan untuk mendapatkan rawatan di samping memulangkannya kepada tuannya. Apa yang dinyatakan oleh William Shaw memang benar. Ramai pesakit yang ditemui mendakwa punca sakitnya adalah berpunca dari buatan orang, di mandrem, terkena ilmu hitam, terkena guna-guna, santau angin dan sebagainya. Dakwaan sebegini timbul disebabkan tanda-tanda aneh yang dialami oleh mangsa dan disokong pula oleh ramalan dan telahan oleh perawat-perawat yang tidak bertanggungjawab. Akhirnya, timbul prasangka dalam hati pesakit terhadap individu-individu tertentu yang disyaki menyihirnya. Lantas tercetus pergaduhan dan persengketaan. Lebih parah lagi, mangsa turut meminta khidmat pengamal sihir untuk menyihir kembali orang tersebut.

Bahaya Mempercayai Ramalan dan Telahan Rambang Perawat

Kepercayaan kepada dakwaan sedemikian mengundang pelbagai kesan negatif dan ianya perlu dihindari. Sebagai seorang Islam, kita wajar menyiasat dahulu adakah

dakwaan sedemikian benar. Perbuatan menuduh seseorang melakukan perbuatan mensyirikkan Allah (iaitu sihir dan ilmu hitam) boleh menjejaskan akidah sekiranya tuduhan tersebut tidak benar. Allah SWT telah mengingatkan kita akan bahaya mempercayai berita, cerita, perkhabaran, telahan, ramalan atau tuduhan yang dilakukan oleh orang fasik. FirmanNya dalam surah Al Hujurat ayat 6:

Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.

Perbuatan menemui perawat yang mempunyai kebolehan untuk mengenalpasti punca penyakit melalui ramalan, tilikan, imbasan (scan), ilham dan lain-lain unsur mistik boleh menjerumuskan kita ke dalam tipu daya syaitan. Ini kerana berita-berita ghaib yang disampaikan oleh mereka adalah bersumber dari syaitan dan jin yang dijadikan khadam atau sahabat. Firman Allah Taala dalam surah As-Syu'ara ayat 221-223:

"Mahukah Aku khabarkan kepada kamu, kepada siapakah syaitan-syaitan itu selalu turun? Mereka selalu turun kepada tiap-tiap pendusta yang berdosa, yang mendengar bersungguh-sungguh (apa yang disampaikan oleh syaitan-syaitan itu), sedang kebanyakan beritanya adalah dusta."

Lebih mengelirukan apabila terdapat sebilangan pengamal perubatan yang menggunakan kaedah dan penampilan yang kelihatan Islamik bagi mengaburi mata pesakit. Ada di antara mereka menggunakan ayat-ayat dari Al Quran dan tasbih untuk menilik punca penyakit misteri dan melihat siapa dalangnya. Terdapat juga perawat yang melakukan solat sunat untuk melihat wajah orang yang melakukan sihir terhadap mangsa. Kaedah-kaedah yang kelihatan Islamik ini menyebabkan pesakit mempercayai sepenuh hati bahawa dakwaan perawat itu benar. Nabi Muhammad SAW mengingatkan umatnya dengan sabdanya: "Adalah bohong apa yang diberitahu oleh ahli nujum sekalipun

bertepatan dengan apa yang diberitahunya."

Antara Buatan Orang dan Buatan Sendiri

Untuk makluman para pembaca, selain disebabkan penggunaan ilmu hitam, gangguan makhluk halus pada manusia boleh terjadi dengan beberapa sebab yang lain. Antaranya ialah:

1) Saka

Istilah saka (dalam konteks perubatan tradisional) merujuk kepada makhluk halus yang dijadikan sahabat atau khadam oleh keturunan atas (ibu bapa atau nenek moyang) untuk menjaga dirinya, anak cucunya dan harta bendanya. Apabila tuannya meninggal dunia, maka saka ini akan mencari tuannya yang baru dari keturunannya yang bawah (anak cucu). Makhluk inilah yang menimbulkan gangguan-gangguan yang kelihatan sama dengan simptom disihir.

2) Amalan kebatinan yang menyeleweng


Seseorang yang menuntut ilmu kebatinan seperti ilmu kebal, ilmu ghaib, ilmu pendekar, ilmu cantik juga mempunyai risiko diganggu makhluk halus. Kehadiran makhluk halus tersebut bukan dihantar oleh tukang sihir sebaliknya kerana pemujaan yang dilakukan oleh pengamal melalui pelbagai amalan tertentu seperti bertapa, bacaan mantera atau ayat-ayat tertentu dalam waktu tertentu, amalan pati geni dan sebagainya.

3) Rawatan menggunakan makhluk halus

Seseorang yang mendapatkan rawatan dari perawat yang menggunakan makhluk halus sebenarnya telah membuka ruang kepada khadam belaan orang tersebut untuk memasuki dan menyerap dalam tubuhnya. Rawatan ini biasanya melibatkan upacara yang aneh dan pelik seperti menurun, main puteri, tok bageh, bedah batin, ulek mayang, alin telur dan yang seumpamanya.

4) Memagar atau mendinging rumah dengan cara yang berlawanan syariat

"Harapkan pagar, pagar makan padi". Begitulah perbuatan memagar kediaman dengan cara yang salah. Ia sebenarnya menjerumuskan penghuni kediaman kepada gangguan makhluk halus. Ini kerana yang ditugaskan untuk menjaga rumah bukanlah malaikat tetapi makhluk-makhluk halus yang lambat laun akan menjahanamkan keharmonian rumahtangga.



5) Menggantung dan menyimpan sebarang tangkal, azimat, wafaq atau barang berpuja seperti keris atau barang-barang lama. Perbuatan ini juga akan mengundang gangguan kepada diri dan kediaman mangsa.

Walaupun puncanya berlainan, namun kesan yang dirasakan oleh mangsa adalah sama. Ini bermakna, apabila seseorang terlibat dengan salah satu perkara yang dinyatakan di atas, maka mudahlah mereka diganggu oleh makhluk halus. Tanda-tanda gangguan makhluk ini dapat dilihat melalui beberapa sudut. Dari aspek fizikal, kebiasaannya mangsa akan merasa badannya sakit menyucuk-nyucuk, terasa panas, terasa bisa-bisa, terasa kebas. Adakalanya timbul tompok lebam berwarna biru kehitaman di peha dan lengan, sakit kepala pada waktu tertentu, terasa berat seperti memikul sesuatu, terasa sesuatu mencakar-cakar belakangnya, muntah darah dan hilang selera makan. Dari segi mental, mangsa biasanya menjadi resah dan gelisah sehingga tidak boleh tidur malam, sering bermimpi dikejar binatang buas atau lembaga hitam, disengat haiwan berbisa, atau jatuh dari tempat yang tinggi, terdengar suara atau bisikan yang memanggil atau menyuruhnya melakukan sesuatu, sering berasa was-was, bimbang, ragu-ragu dan takut yang melampau. Emosi mangsa serangan makhluk halus juga biasanya tidak stabil. Mangsa akan ketawa atau bercakap seorang diri, meracau-racau, murung, marah tanpa sebab, menolak pinangan orang, tidak mahu bergaul dengan orang sekeliling. Manakala gangguan di kediaman atau premis perniagaan menyebabkan mangsa terlihat jelmaan atau lembaga yang menakutkan, atau bunyi-bunyian yang pelik. Kadang-kadang pelanggan yang datang ke premisnya nampak seolah-olah ia tertutup walaupun sebenarnya ia dibuka.

Semua kesan yang dinyatakan merupakan petanda-petanda bahawa seseorang itu kemungkinan mengalami gangguan makhluk halus. Sekiranya kita atau ahli keluarga ada mengalaminya, jangan kita terburu-buru membuat kesimpulan bahawa ianya akibat buatan orang. Boleh jadi ianya berpunca dari buatan diri sendiri.

Tips-tips Menghadapi Gangguan Makhluk Halus

Terdapat 3 langkah mudah yang boleh dilakukan sekiranya seseorang mengalami

tanda-tanda diganggu makhluk halus.

Langkah 1: Pandang dan lihat kekuasaan Allah

Apabila ditimpa penyakit-penyakit misteri, janganlah cepat mendakwa bahawa kita telah terkena buatan orang atau sihir. Janganlah pula kita pergi mendapatkan khidmat perawat-perawat yang kononnya boleh melihat dan menilik siapa yang menjadi dalangnya. Sebaliknya, hendaklah kita segera melihat bagaimana kekuasaan Allah dalam memberi kebaikan atau menimpakan mudarat kepada manusia. Hendaklah kita menanam dalam hati bahawa hanya Allah SWT yang mampu memudaratkan kita, bukannya makhluk halus. Firman Allah dalam surah Al Baqarah ayat 102:

”Dalam pada itu ada juga orang-orang mempelajari dari mereka berdua (Harut dan Marut) akan ilmu sihir yang boleh menceraikan antara seorang suami dengan isterinya, padahal mereka (pengamal-pengamal sihir) tidak akan dapat sama sekali memberi mudarat dengan sihir itu seseorang pun melainkan dengan izin Allah.”

Langkah 2: Selidiki punca-punca terjadinya gangguan

Apabila ditimpa gangguan misteri, hendaklah kita selidik, adakah terdapat pintu dan lorong yang memudahkan makhluk halus untuk masuk ke dalam diri kita. Cara untuk menyelidikinya adalah dengan bertanya soalan-soalan berikut:

- Adakah kita beramal dengan amalan-amalan khurafat?
- Adakah kita mempunyai keturunan yang bersahabat dengan makhluk halus?
- Adakah kita pernah mendapatkan rawatan dari seseorang yang menggunakan kaedah yang bertentangan syariat?
- Adakah kita ada menyimpan tangkal, azimat atau wafaq?

Sekiranya ada, maka sayugia kita segera bertaubat mohon ampun kepada Allah. Lakukan solat sunat taubat dan perbaharui semula syahadah kita, sebagai tanda kita kembali bertuhankan Allah. Moga-moga dengan kembalinya kita kepada Allah, Allah akan mendatangkan perlindungan dan pertolongan. Selepas itu, mintalah bantuan dari Allah dengan bersabar dan bersolat.

Langkah 3: Musnahkan jalan masuk makhluk halus ke dalam diri kita

Sekiranya gangguan dipercayai ada kaitan dengan saka, maka barang-barang kesayangan

pemilik saka seperti senjata atau barang kemas perlu dimusnahkan. Kebiasannya, barang-barang itu turut dijaga oleh makhluk tersebut selepas kematian tuannya.

Sekiranya kita ada beramal dengan amalan kebatinan, maka hentikanlah amalan tersebut dan banyakkannya bertaubat. Sekiranya kita ada menyimpan tangkal, azimat atau wafaq, maka bakarlah kesemua benda-benda tersebut dan bertaubatlah kepada Allah. Mengharap perlindungan dari Allah yang Maha Kekal lebih baik dari berharap kepada sesuatu yang fana.

Sekiranya gangguan masih berlaku, maka bersabar dan berdoa agar Allah temukan dengan perawat yang selari dengan syariat. Hindarkan dari mendapatkan khidmat perawat yang suka mempamerkan perkara-perkara luarbiasa. Allah SWT melarang orang-orang beriman dari mendapatkan khidmat seseorang untuk meramal atau menilik punca penyakit kerana ianya sebahagian dari amalan syaitan sebagaimana firman Allah dalam surah Al Maidah ayat 90:

Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya. Sesungguhnya Syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi (dan sembah berhala dan undi nasib), dan mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil)?

Berhati-hatilah dengan perawat yang melakukan tilikan atau ramalan terhadap diri anda dengan menggunakan nama ibu anda, atau tarikh lahir anda, atau warna kegemaran anda, atau huruf-huruf hijaiyyah pada nama anda, atau hanya dengan melihat diri anda, atau dengan cara imbasan batin (scan) sahaja, lalu menyatakan bahawa diri anda dihuni oleh puluhan jin, atau anda telah terkena buatan orang. Dibimbangi anda akan mengesyaki saudara terdekat atau orang-orang di sekeliling yang melakukannya, lantas anda merasa benci dan menaruh syak wasangka padanya sedangkan dia tidak melakukan apa-apa pun terhadap anda.

FITNAH TERBESAR

Oleh : Ustaz Md. Abdu bin Sahak

Dari Usamah bin Zaid r.a bahawa Nabi s.a.w bersabda:

“Tidak ada suatu fitnah (bencana) yang lebih besar bahayanya dan lebih bermaharajalela-selepas wafatku terhadap kaum lelaki selain daripada fitnah yang berpunca daripada kaum wanita”

Huraian

1. Dunia mempunyai daya penarik yang kuat kerana Allah SWT telah menjadikannya berkeadaan demikian untuk menguji manusia siapakah yang dapat menguasai hawa nafsunya dan dapat menjalani kehidupan di dunia menurut jalan yang diredhai Allah.

2. Antara daya penarik dunia ialah wanita kerana lazimnya mereka mendorong lelaki dengan tutur kata yang manis, gerak geri yang menggoda dan pakaian yang memberahikan. Semua ini mencabar keimanan kaum lelaki sehingga mereka menjadi lalai terhadap tugas dan kewajipan mereka.

3. Oleh itu Rasulullah SAW menuntut kita supaya memelihara dan mengawal diri daripada diruntun oleh kemanisan dan keindahan dunia dengan menambahkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah sambil mengingati bahawa segala yang ada di dunia hanyalah sementara sahaja berbanding dengan segala nikmat di akhirat yang kekal abadi.

4. Dunia ini adalah perhiasan dan sebaik-baik perhiasan ialah wanita yang solehah.

10 Kunci Persahabatan Yang Baik

1) Pilih orang yang mempunyai minat yang sama seperti anda supaya anda mempunyai persamaan, tetapi jangan mengetepikan orang

yang langsung tidak mempunyai persamaan dengan anda, bersikap terbuka baik untuk anda.

2) Ingatlah pada satu pedoman penting iaitu berlaku baik terhadap orang lain sebagaimana anda suka diperlakukan. Sekiranya anda menghormati orang lain, orang lain akan menghormati anda juga.

3) Sedarlah bahawa tiada siapa yang sempurna, setiap orang mempunyai sifat-sifat aneh dan kecacatan, dan menerima kecacatan antara satu sama lain adalah kunci persahabatan yang baik.

4) Hargai pendapat satu sama lain.

5) Sedarlah bahawa kawan yang rapat tidak dapat bersama kita sepanjang masa. Bina minat-minat yang lain dan jangan cemburu apabila kawan anda mempunyai minat-minat yang lain juga.

6) Komunikasi sangat penting, kawan anda tidak boleh membaca fikiran anda. Sekiranya ada sesuatu yang menjejaskan persahabatan anda, beritahulah.

7) Jangan biarkan faktor luaran seperti tekanan (stress) menjejaskan persahabatan anda. Kawan yang baik akan membenarkan anda melepaskan perasaan kepada mereka, tetapi jangan hanya mempergunakan mereka untuk melepaskan perasaan ... dan sebagai balasan anda sepatutnya bersedia untuk mendengar luahan perasaan mereka pula.

8) Belajar daripada satu sama lain.

9) Jangan mengata di belakang kawan anda.

10) Pilih kata-kata anda dengan bijaksana kerana anda tidak boleh menariknya kembali.



Hak Muslim Ke Atas Muslim

Oleh : Ustaz Muhamad Sallehudin bin Md Derus

Hak dari segi bahasa bermaksud kebenaran dan adil iaitu meletakkan sesuatu sesuai di tempat yang sepatutnya. Seseorang yang tidak menunaikan haknya adalah merupakan seorang yang tidak bertanggungjawab dan tidak amanah dalam hidupnya. Maka, setiap hak yang telah ditetapkan perlu ditunaikan bagi seseorang yang menggelarkan dirinya Islam.

Dalam hadith di atas, Rasulullah S.A.W telah menerangkan dengan jelas, enam perkara yang perlu ditunaikan bagi seorang muslim ke atas muslim yang lain iaitu :

Pertama : Ucapan salam.

Ulama telah membahaskan hukum dalam memberi salam adalah sunat dan menjawabnya kembali adalah wajib. Antara petanda kecil akhir zaman adalah orang islam akan memberi salam kepada orang yang mereka kenali sahaja.

Kedua : Jemputan

Ulama juga telah membahaskan mengenai jenis jemputan yang wajib umat Islam hadiri jika dijemput oleh orang Islam yang lain iaitu jemputan walimatul urus. Jika jemputan itu jemputan kenduri tahlil ataupun doa selamat, sesetengah ulama mengatakan ia tidak wajib. Jika majlis tersebut mempunyai perkara maksiat ataupun lagho, maka ulama menasihatkan supaya tidak menghadiri atau keluar daripada majlis tersebut.

Tetapi, ini hanya pendapat yang diberikan ulama berdasarkan ijtihad mereka masing-masing. Cuma, bagi kita sebagai seorang Muslim, kita hendaklah menunaikan dan meraikan hasrat jemputan bagi tidak mendatangkan pembaziran dan menyebabkan permusuhan antara satu sama lain.

Ketiga : Ucapan nasihat

Apabila seseorang mempunyai masalah, maka tugas seorang muslim adalah untuk menasihatnya dengan cuba

untuk menenangkannya dan jika mampu, cuba untuk membantu menyelesaikan masalah tersebut. Begitu juga dalam permasalahan agama, seorang yang alim perlu memberikan nasihat kepada yang jahil. Ini dipanggil sebagai Amar Ma'ruf. Janganlah menjadi seorang yang kedekut ilmu dan mementingkan diri sendiri kerana kemewahan dan kekayaan. Sesungguhnya agama Islam itu sendiri adalah satu bentuk nasihat.

Keempat : Jawapan Bersin.

Apabila seorang itu bersin, disunatkan ke atasnya ucapan tahmid iaitu Alhamdulillah. Maka sesiapa yang mendengar ucapan tersebut, maka harus ia ucapkan Yarhamukallah. Dan orang yang bersin itu perlu menjawab kembali Yahdikumullahu Wa Yuslih Balakum.

Kelima : Ziarah Yang Sakit

Apabila seseorang itu jatuh sakit, maka baginda berpesan kepada kita untuk menziarahi orang itu walaupun orang itu pernah berbuat jahat kepada kita. Indahnyanya akhlak Rasulullah S.A.W. Tuntutan ini adalah kerana kunjungan kita akan menyebabkan pesakit itu bertambah gembira dengan kedatangan kita kerana dia tahu orang masih mengambil berat tentangnya.

Keenam : Ziarah yang Mati

Apabila seseorang itu dijemput oleh Allah S.W.T, seseorang itu dituntut untuk mengikuti jenazah itu sehingga selesai dikuburkan. Ini membolehkan kita mengingati mati kita yang kita tidak tahu bila masanya giliran kita. Sesungguhnya mati itu membolehkan kita lebih mengingati Allah dan memperbanyakkan bertaubat kepadaNya.

Kesimpulannya, semua tuntutan enam perkara ini melibatkan perpaduan dan persaudaraan kita sesama Muslim agar terbentuk kasih sayang yang lebih erat dan jitu pada masa akan datang. Selamat beramal.



MENGAPA RASULULLAH (SAW) JARANG SAKIT

Oleh: Ustazah Amira bt Abdullah

Ajaran Islam menuntut gaya hidup yang sihat. Tujuan kehadiran Islam itu sendiri adalah bagi memelihara agama, akal, jiwa, jasmani, harta dan keturunan umat manusia. Menurut Prof. Dr. Quraish Shihab, ada dua istilah yang berkaitan dengan kesihatan yang sering digunakan dalam kitab suci iaitu 'sihat' dan 'afiat'.

Apabila menyebut tentang kesihatan, pastinya ikon atau contoh teladan yang akan kita lihat adalah Rasulullah (SAW). Rasulullah (SAW) adalah insan yang jarang sakit. Antara kesakitan yang paling teruk dialami oleh Rasulullah (SAW) adalah ketika baginda disihir oleh seorang lelaki yahudi bernama Labid bin Aksam melalui rambut Nabi (SAW). Hal ini ada dinukilkan dalam sebuah hadith yang sahih mengenainya. Namun, kesakitan yang Nabi lalui adalah perbuatan khianat orang-orang yahudi, namun kehidupan Nabi (SAW) biasa adalah sihat dan jarang sakit. Hal ini boleh dilihat dari sudut bagaimana baginda (SAW) menjaga pemakanan dan tubuh badan baginda.

Antara amalan-amalan yang sering Nabi (SAW) biasa lakukan:-

1- Rasulullah (SAW) banyak solat.

Rasulullah (SAW) begitu banyak melakukan solat, iaitu solat wajib dan sunat. Tanpa kita sedar sebenarnya bermula dari mengambil wudu' kepada setiap pergerakan yang dilakukan dalam solat memberikan kecerdasan dan stamina baru kepada badan kita. Setiap hari, hampir 10 juta sel kulit kita mati. Kematian sel-sel kulit ini adalah kotoran daki. Melalui wuduk, kita menyapu permukaan-permukaan tujuh bahagian tubuh kita yang tidak dilindungi oleh pakaian secara minimum sebanyak 15 kali dengan air bersih. Kulit mempunyai paling banyak populasi mikroorganisma. Berwuduk bertindak mengurangkan populasi mikroorganisma serta menurunkan risiko penyimpangan koeksisten bakteria itu dengan tubuh kita. Di samping itu, wuduk juga membantu proses regenerasi kulit, iaitu penggantian sel-sel lama dan baru.

Melalui pergerakan solat pula, rutin solat yang dilakukan memelihara tubuh kita supaya sentiasa aktif dengan gerakan-gerakan yang teratur, ringan dan proporsional. Dalam gerakan-gerakan tersebut itu terdapat 'senaman' rutin berintensiti rendah. Pergerakan ini adalah lebih baik dari senaman yang berat yang memberikan beban stress kepada tubuh. Gerakan solat mempengaruhi sistem-sistem organ tubuh kita terutamanya system muskuloskeletal iaitu otot, tulang rangka dan sendi. Manakala perubahan-perubahan posisi yang dilakukan memanipulasikan secara fisiologi organ internal sistem peredaran darah, jantung, system limfatik, memberikan

tekanan pada rongga dada dan perut, mempengaruhi sistem penafasan, gerakan saluran penghadaman, saluran kencing dan sebagainya.

Amalan solat mengaktifkan otot-otot tubuh yang berbeza serta sendi, tendon dan tulang rangka. Terdapat lebih 656 otot di dalam tubuh kita yang beberapa daripadanya mengalami peregangan, pergerakan dan pengenduran semasa melakukan solat. Pergerakan dan tekanan harmoni inilah yang merawat kelenturan dan kekuatan otot dan tulang secara insentif. Malah setiap pergerakan dalam solat memberikan fungsi masing-masing bagi membaik pulih setiap organ dalam tubuh badan kita.

2- Rasulullah (SAW) banyak berpuasa.

Selain puasa Ramadhan yang memang telah disyariatkan, Rasulullah sangat kerap berpuasa sunat. Ada hadith yang mengatakan Rasulullah (SAW) sentiasa puasa pada hari Isnin dan Khamis, ada juga yang mengatakan Rasulullah berpuasa pada awal, pertengahan dan akhir setiap bulan. Rasulullah (SAW) juga sentiasa berpuasa pada hari-hari yang disunatkan berpuasa, contohnya pada Hari Asyura, hari Arafah, puasa sunat 6 hari selepas Aidilfitri dan sebagainya. Antara hadith-hadith yang menceritakan tentang hal-hal ini adalah:-

1) Sabda Rasulullah SAW: "Sesiapa yang berpuasa Ramadan dan kemudian meneruskannya dengan enam hari pada bulan Syawal, akan mendapat ganjaran seolah-olah dia berpuasa setahun. (Riwayat Muslim, Tarmizi, Abu Daud, Ibn Majah).

2) Dari Abu Qatadah bahawa Rasulullah (SAW) pernah ditanya mengenai puasa hari Arafah. Jawab Baginda: "Pengampunan dosa bagi tahun lalu dan tahun akan datang. (Riwayat Muslim).

3) Dari Abu Qatadah (ra) bahawa apabila Nabi (SAW) ditanya mengenai puasa Asyura baginda menjawab, "Mendapat keampunan setahun yang lampau". (Riwayat Muslim).

Puasa memberikan perut kita kesempatan untuk 'beristirehat' sementara waktu. Organ-organ yang lain turut mendapat kesempatan beristirehat. Mengurangkan jumlah dan frekuensi makanan mampu memberikan hati kita peluang bertindak aktif bagi membersihkan ataupun membuang racun dari dalam tubuh, yang dipanggil proses detoksifikasi. Puasa memberikan kesempatan bagi tubuh kita melakukan regenerasi sel-sel saluran pencernaan secara optimum. Selama puasa itu dijalankan dengan sunnah Rasulullah (SAW) iaitu memakan buah kurma dan berhenti makan sebelum kenyang, dan tidak berlaku adegan 'balas dendam' saat terbuka puasa.

3- Rasulullah (SAW) menjaga pemakanan.

Dalam Ihya' Ulumuddin, Imam Ghazali menjelaskan nafsu pertama manusia adalah urusan makan dan minum. Malah ada hadith sahih daripada Muslim:-

"Perut itu gudang penyakit."

Rasulullah (SAW) sangat menitikberatkan tentang makanan. Antara makanan yang sering Rasulullah (SAW) amalkan adalah kurma, minyak zaitun, habatussauda' dan madu. Malah terdapat hadith-hadith tentang kebaikan makanan-makanan ini. Antaranya:-

1) Dalam Sahih Bukhari dan Sahih Muslim, diriwayatkan hadith dari Sa'd bin Abi Waqqash, dari Nabi (SAW), bahawa baginda pernah bersabda

"Barangsiapa yang memakan tujuh biji buah kurma pada waktu pagi, maka pada hari itu ia tidak akan terkena racun ataupun sihir".

2) Riwayat sahih Bukhari dan Muslim menerusi hadith Abu Salamah, dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah (SAW) bersabda: "Hendaklah kamu memakan jintan hitam (Habatussauda'), sebab ia mengandungi ubat untuk segala jenis penyakit, melainkan As-Saam (mati)".

3) Hadith riwayat al-Baihaqi dan Ibnu Majah daripada Abdullah bin Umar, bahawa Rasulullah (SAW) bersabda:

"Gunakanlah minyak zaitun sebagai lauk sekaligus minyak rambut, kerana ia berasal dari pohon yang diberkati".

Terdapat banyak hadith tentang makanan-makanan yang baik untuk kesihatan kita dan merupakan makanan sunnah iaitu yang biasa dimakan oleh Rasulullah (SAW), atas kehendak kita untuk memilih yang baik untuk tubuh badan kita. Pemakanan sangat penting untuk tubuh badan kita, ini kerana fungsi asas saluran penghadaman kita adalah mencerna makanan dengan cara merembes, mengaduk, mendorong dan mengayunkan bahan-bahan makanan. Kemudian, mencampurkannya dengan enzim-enzim penghadaman bagi memecah makanan sehingga hancur. Ini supaya molekul-molekul zat makanan dapat diserap masuk ke dalam plasma darah dan diedarkan sehingga ke setiap rangkaian sel tubuh. Zat makanan ini kemudian digunakan sebagai sumber energy bagi menggantikan sel-sel yang rosak. Zat ini juga bertindak sebagai komponen pertahanan dan bahan binaan bagi pertumbuhan dan perkembangan tubuh. Oleh sebab itu, memilih makanan yang baik dan berkhasiat sangat penting kepada kita.



Fakta Sains Berkaitan Wuduk

Oleh : Puan Rezita binti Mat Husin

Umatku (kelak di hati kiamat) akan dipanggil 'putih bersinar' kerana bekas wuduknya (di dunia dahulu)." –diriwayatkan oleh Bukhari

Wuduk diambil untuk menunaikan solat dan membaca Al-Quran. Selain itu, kita diajar setiap kali ingin belajar atau memulakan pembelajaran seeloknya ada wuduk. Kita digalakkan untuk menjaga wuduk sentiasa supaya tidak terbatal. Sebagai seorang muslim, pastinya kita akan melakukannya kerana di ajar dalam Islam. Namun, semakin kita jauh dari zaman Rasulullah s.a.w, semakin kita lalai menjaga perkara yang satu ini. Wuduk di ambil sambil lewa, tidak diratakan keseluruhan bahagian anggota wuduk dengan betul.

Mencuci tangan

Telapak tangan manusia adalah bahagian tubuh yang fleksibel dan banyak berinteraksi dengan dunia luar, bersalaman, memegang, menyentuh, memetik jari dan pelbagai perkara yang menyentuh dunia sekeliling. Lebih daripada 70% penyakit-penyakit berjangkit seperti influenza yang disebabkan oleh bakteria, virus atau cacing disebabkan oleh kontaminasi melalui sentuhan tangan. Dalam dunia perubatan, protokol standar pertama sebelum bekerja adalah mencuci tangan dan membilasnya dengan sabun. Oleh itu tidak hairanlah wuduk dimulakan dengan mencuci kedua belah tapak tangan.

Berkumur

Berkumur melindungi mulut dan tekak daripada jangkitan dan membersihkan gigi daripada sisa makanan. Pada hakikatnya, membersihkan kawasan mulut dapat mencegah risiko jangkitan penyakit. Terdapat tidak kurang dari 100 juta bakteria per milimeter dalam sampel biasa permukaan gigi ataupun kalenjar ludah manusia normal yang sihat. Penyakit di kawasan gigi dan mulut seperti radang gigi atau radang kerongkong

(faringitis), dan juga radang pada kawasan pharyng.

Apabila jangkitan itu disebabkan oleh bakteria jenis streptococcus B hemoliticus, racun daripada tindakan imuniti tubuh ke atas bakteria itu dapat merebak ke jantung ataupun ginjal melalui aliran darah. Glomerulonefritis iaitu radang pada ginjal danmyokarditis adalah radang pada otot jantung. Ini adalah komplikasi-komplikasi serius yang mungkin terjadi akibat daripada toksin bakteria streptococcus B hemoliticus. Demikian juga beberapa penyakit tumor pada kawasan maxillofacial atau pipi dan dagu seperti adamantinoma. Kejadian yang berkait rapat dengan oral hygiene iaitu kebersihan mulut.

Istinsyaq

Istinsyaq ialah menghirup air ke dalam hidung. Ia hanya dilakukan semasa berwuduk. Menurut pakat bedah tumor, Dr Bahar Azwar, apabila terdapat tumor yang tersembunyi di dalam hidung. Aliran air ke dalam hidung yang menyapu bahagian nasopharyng merangsang pendarahan pada tumor itu. Melalui kegiatan istinsyaq, ini membantu dalam pengesanan awal tumor di bahagian nasopharyng yang tersembunyi.

Penyakit SARS merebak suatu ketika dahulu diakibatkan oleh jangkitan virus yang merebak melalui titisan air yang keluar di udara semasa penghidapnya bersin ataupun batuk. Apabila melakukan istinsyaq, kita berupaya membersihkan selaput dan lendir hidung yang mungkin tercemar oleh udara kotor dan kuman seperti ini.

Membasuh muka

Adalah untuk membersihkan kotoran yang melekat akibat daripada rembesan yang dikeluarkan oleh kelenjar kulit. Ia juga bertindak menghapuskan mikroorganisma. Sisa rembesan ini biasanya mudah menjadi media pertumbuhan dan pembiakan bakteria. Pembasuhan air yang kerap juga

dapat melindungi kulit. Terutama kulit wajah daripada kesan-kesan buruk sinar ungu matahari. Pendedahan yang terlalu lama pada sinar ultra ungu menekan proses imuniti kulit dan ini antara punca kanser kulit.

Membasuh kedua tangan dan kaki

Perbuatan ini adalah untuk memperkuat saluran-saluran darah tangan dan kaki. Dari segi anatomi, saluran darah di hujung-hujung tangan dan kaki ekstremiti iaitu lebih lemah berbanding bahagian lain. Ini kerana tangan dan kaki adalah titik yang paling jauh dengan jantung. Oleh itu, tekanan darah yang dipam dari jantung ke bahagian itu adalah lemah. Saluran darah di hujung-hujung ekstremiti yang menyempit mengganggu pengoksigenan jaringan saluran darah di sekitarnya. Kepada penghidap penyakit beuger, hujung-hujung jari ekstremiti itu menjadi nekrosis iaitu selnya mati kerana gangguan bekalan darah ke bahagian itu. Pembersihan tapak kaki penting bagi mencegah pelbagai jangkitan kuman. Manakala pembersihan tapak tangan memutuskan penghantaran jangkitan penyakit melalui oral kerana tangan yang menyuapkan makanan ke mulut.



WABAK DUNGU DALAM BUDAYA 'PRANK'

Oleh: Ustaz Mohamad Hasnur bin Abdul Hamid



“Tolong! Tolong! Serigala menyerang kambing saya!” jerit anak muda itu. Orang kampung prihatin. Bergegas mereka memanjat bukit. Mahu menolong. Ada yang bawa parang, ada yang bawa cangkul. Ada yang terkumat kamit mulut berdoa, memohon keselamatan. Hilang kambing, besar musibahnya. “Mana? Mana? Mana serigala durjana?” tanya orang kampung. Anak muda itu ketawa. Bergurau katanya. Menguji iman orang kampung. Selang beberapa purnama, berlaku lagi insiden mempermainkan orang kampung sehinggalah kali ketiga. Orang kampung terkejut. Kemudian mereka ketawa. “Gembala kambing mahu memperbodohkan kita lagi, seperti kambingnya? Lantakkan dia, pedulikan!” ujar orang kampung. Tidak pernah terlontar satu kejahatan, kecuali ia akan berpatah kembali kepada pelakunya. Anak muda penggembala kambing, menangis di bukit. Habis kambingnya diratah serigala. Tangisan yang yang tak dipedulikan. Tiada salah siapa, kecuali diri sendiri.

BUDAYA PRANK

Mengenakan orang dengan amaran-amaran palsu ini bukan perkara baru. Ia sudah lama diungkap di dalam sejarah. Kisah budak dengan serigala ini merupakan salah satu daripada kisah Aesop's Fables atau Aesopica merujuk kepada legasi Greece Purba antara tahun 620 and 560 sebelum masihi. Ia dikaitkan dengan ajaran Aristotle yang menegaskan bahawa orang yang berbohong mendapat habuan iaitu apabila mereka bercakap benar, mereka tidak akan dianggap benar (tidak dipercayai).

Budaya ini seiringan dengan mentaliti 'loyar buruk' yang semakin menjadi fenomena untuk membarah. Ia bukan sekadar perkataan, tetapi dizahirkan melalui perbuatan. Malah 1 April menjadi hari 'ritual'

untuk budaya prank ini.

Budaya-prank ini merupakan budaya picisan yang menjadi kebiasaan masyarakat hedonisme Hollywood, lalu tersebar untuk diterima sebagai suatu hiburan oleh golongan yang bermentaliti rendah. Bergurau tidak kena tempat. Jika suatu ketika dahulu ia menjadi bahan ketawa seperti siri America's Funniest People keluaran Amerika Syarikat sekitar 1990-an, juga Just for Laughs (Juste Pour Rire) terbitan Kanada. Tetapi lama kelamaan ia berubah menjadi versi yang agresif Jackass menjelang milenium baru. Di Malaysia, gejala mempermainkan orang ini membiak sehingga menjadi rancangan televisyen seperti “wakenabeb”.

Dengan jati diri yang rendah, apa sahaja yang datang ke sini dari sana, ditelan, diterima dan menjadi budaya kita. Budaya prank dan seiringan dengannya parody, kedua-duanya menjatuhkan harga diri kita.

Biar pun 'Prank and Parody' itu kini menjadi begitu trending dan digilai ramai, tanpa rasa kolot, dengarkan satu pesanan Nabi sallallahu alayhi wasallam:

إن مما أدرك الناس من كلام النبوة : إذا لم تستحي فاصنع ما شئت

“Sesuatu yang telah diketahui oleh sekalian manusia sepanjang zaman sebagai sebahagian daripada pesanan-pesanan kenabian ialah: JIKA KAMU TIDAK MALU, BUATLAH APA SAHAJA YANG KAMU MAHU” [hadith riwayat al-Bukhari nombor 3484]

Parodi yang sifatnya membodohkan diri, menjatuhkan maruah diri sendiri (sebelum menjatuhkan maruah orang lain), dan perlakuan-perlakuan yang mengaibkan, batas pemisahannya hanya satu, ada MALU atau TIDAK ADA RASA MALU. Jika ada rasa malu, tandanya ada iman. Jika tidak kisah memalukan diri sendiri dan mangsa 'Prank and Parody', tepuk dada tanya iman.

Manakala prank pula, semakin menjadi fenomena global malah dinanti-nanti bukan hanya di media sosial, bahkan turut rancak di radio dan televisyen.

Ingatlah pesan Nabi sallallahu alayhi wa sallam:

المسلم من سلم المسلمون من لسانه ويده . والمهاجر من هجر ما نهى الله عنه

Seorang Muslim itu, seseorang yang kaum muslimin lain terselamat daripada kejahatan lisah dan tangannya. Orang yang berhijrah pula, adalah seseorang yang meninggalkan apa yang dilarang oleh Allah daripadanya” [Hadith riwayat al-Bukhari nombor 6484]

Islam melarang Muslim berdusta, walaupun sekadar gurauan. Baginda Rasulullah sallallahu alayhi wa sallam memberi amaran:

ويلٌ للذي يُحدِّث بالحديث ليُضْحِك به القوم فيكذب ويلٌ له ويلٌ له

“Celakalah seseorang yang berbicara dengan suatu perbicaraan untuk menjadikan orang ramai ketawa sedangkan beliau berdusta. Celakalah dia, celakalah dia” [Hadith riwayat al-Tirmidhi]

Apatah lagi jika gurauan itu sifatnya adalah menakut-nakutkan saudaranya:

أثم كانوا يسبرون مع النبي صلى الله عليه وسلم فنام رجلٌ منهم فانطلق بعضهم إلى جبلٍ معه فأخذوه ففرغ فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم لا يجزئ لمسلم أن يروغ مسلماً

Pada suatu ketika, mereka bersama-sama dengan Rasulullah sallallahu alayhi wa sallam di dalam sebuah perjalanan. Lalu salah seorang daripada mereka tertidur. Kemudian sebahagian mereka pergi mengambil tali dan mengikat lelaki yang tertidur itu tadi, dan beliau terkejut ketakutan. Lalu Rasulullah sallallahu alayhi wa sallam bersabda, “TIDAK HARUS BAGI SEORANG MUSLIM MENAKUT-NAKUTKAN SEORANG MUSLIM YANG LAIN” [Al-Targheeb wa al-Tarheeb, hadith 3/403]

Budaya Prank dan Shenagan ini adalah sebuah kegelinciran akhlak yang mesti diberhentikan segera.



DOSA MENINGGALKAN SOLAT FARDHU

Oleh : Ustaz Amidi bin Osman

1. Solat Subuh : satu kali meninggalkan akan dimasukkan ke dalam neraka selama 30 tahun yang sama dengan 60.000 tahun di dunia.
 2. Solat Zuhur : satu kali meninggalkan dosanya sama dengan membunuh 1.000 orang umat islam.
 3. Solat Ashar : satu kali meninggalkan dosanya sama dengan menutup/meruntuhkan ka'bah.
 4. Solat Magrib : satu kali meninggalkan dosanya sama dengan berzina dengan orang tua.
 5. Solat Isya : satu kali meninggalkan tidak akan di redhai Allah SWT tinggal di bumi atau di bawah langit serta makan dan minum dari nikmatnya.
 - 6 Siksa di Dunia Orang yang Meninggalkan Solat Fardhu :
 1. Allah SWT mengurangi keberkatan umurnya.
 2. Allah SWT akan mempersulit rezekinya.
 3. Allah SWT akan menghilangkan tanda/cahaya soleh dari raut wajahnya.
 4. Orang yang meninggalkan solat tidak mempunyai tempat di dalam islam.
 5. Amal kebaikan yang pernah dilakukannya tidak mendapatkan pahala dari Allah SWT.
 6. Allah tidak akan mengabulkan doanya.
 - 3 Siksa Orang yang Meninggalkan Solat Fardhu Ketika Menghadapi Sakratul Maut :
 1. Orang yang meninggalkan solat akan menghadapi sakratul maut dalam keadaan hina.
 2. Meninggal dalam keadaan yang sangat lapar.
 3. Meninggal dalam keadaan yang sangat haus.
 - 3 Siksa Orang yang Meninggalkan Solat Fardhu di Dalam Kubur :
 1. Allah SWT akan menyempitkan kuburannya sesempit sempitnya.
 2. Orang yang meninggalkan solat kuburannya akan sangat gelap.
 3. Disiksa sampai hari kiamat tiba.
 - 3 Siksa Orang yang Meninggalkan Solat Fardhu Ketika Bertemu Allah :
 1. Orang yang meninggalkan solat di hari kiamat akan dibelenggu oleh malaikat.
 2. Allah SWT tidak akan memandangnya dengan kasih sayang.
 3. Allah SWT tidak akan mengampunkan dosa dosanya dan akan di azab sangat pedih di neraka.
- Mengenai balasan bagi orang yang meninggalkan Solat Fardhu: "Rasulullah SAW, diperlihatkan pada suatu kaum yang membenturkan kepala mereka pada batu, Setiap kali benturan itu menyebabkan kepala pecah, kemudian ia kembali kepada keadaan semula dan mereka tidak terus berhenti melakukannya. Lalu Rasulullah bertanya: "Siapakah ini wahai Jibril"? Jibril menjawab: "Mereka ini orang yang berat kepalanya untuk menunaikan Solat fardhu". (Hadits Riwayat Tabrani, sanad shahih)
- Sumber : Dari Buku Himpunan Fadhilah Amal – Maulana Muhammad Zakariyya Al Kandhalawi hal 107

MULUT TEMPAYAN BOLEH DITUTUP... MULUT MANUSIA

Oleh: Ustaz Shahrul Nizam bin Md Ahir

Dalam sebuah riwayat menceritakan, pada suatu hari Luqman Hakim telah masuk ke dalam pasar dengan menaiki seekor himar, manakala anaknya mengikut dari belakang. Melihat tingkah laku Luqman itu, setengah orang pun berkata, "Lihat itu orang tua yang tidak bertimbang rasa, sedangkan anaknya dibiarkan berjalan kaki."

Setelah mendengarkan desas-desus dari orang ramai maka Luqman pun turun dari himarnya itu lalu diletakkan anaknya di atas himar itu. Melihat yang demikian, maka orang di pasar itu berkata pula, "Lihat orang tuanya berjalan kaki sedangkan anaknya sedap menaiki himar itu, sungguh kurang adab anak itu."

Sebaik saja mendengar kata-kata itu, Luqman pun terus naik ke atas belakang himar itu bersama-sama dengan anaknya. Kemudian orang ramai pula berkata lagi, "Lihat itu dua orang menaiki seekor himar, adalah sungguh menyiksakan himar itu."

Oleh kerana tidak suka mendengar percakapan orang, maka Luqman dan anaknya turun dari himar itu, kemudian terdengar lagi suara orang berkata, "Dua orang berjalan kaki, sedangkan himar itu tidak dikenderai."

Dalam perjalanan mereka kedua beranak itu pulang ke rumah, Luqman Hakim telah menasihatai anaknya tentang sikap manusia dan telatah mereka, katanya, "Sesungguhnya tiada terlepas seseorang itu dari percakapan manusia. Maka orang yang berakal tiadalah dia mengambil pertimbangan melainkan kepada Allah S.W.T saja. Barang siapa mengenal kebenaran, itulah yang menjadi pertimbangannya dalam tiap-tiap satu."

Kemudian Luqman Hakim berpesan kepada anaknya, katanya, "Wahai anakku, tuntutlah rezeki yang halal supaya kamu tidak menjadi fakir. Sesungguhnya tiadalah orang fakir itu melainkan tertimpa kepadanya tiga perkara, iaitu tipis keyakinannya (iman) tentang agamanya, lemah akalanya (mudah tertipu dan diperdayai orang) dan hilang kemuliaan hatinya (keperibadiannya), dan lebih celaka lagi daripada tiga perkara itu ialah orang-orang yang suka merendah-rendahkan dan meringan-ringankannya."

Perihal Luqman Al Hakim:

Tahukah siapa yang memberi nasihat kepada anak-anaknya dan kepada kita juga, melalui Firman Allah SWT pada surah Luqman 13-19 dulu. Kali ini mari kita mengenali siapa Luqman Al Hakim itu.

Dipetik dari Ibnu 'Abbas katanya:

"Luqman bukanlah seorang nabi mahu pun raja tetapi beliau hanyalah seorang pengembala ternakan yang berkulit hitam. Lalu Allah telah memerdekakannya dan sesungguhnya Dia redha dengan segala kata-kata dan wasiat Luqman. Maka kerana itu, kisah ini diceritakan di dalam Al-Qur'an agar kita semua dapat mengambil pedoman dan berpegang dengan wasiat-wasiatnya."

Ibnu Kathir berkata: 'Ulama' salaf berselisih pendapat tentang diri Luqman; adakah dia seorang nabi atau pun seorang hamba yang soleh tanpa taraf kenabian? Di antara dua pendapat ini, kebanyakan mereka berpegang dengan pendapat yang kedua.'

Beliau berkata lagi: "Yang masyhur di kalangan Jumah ulama' ialah Luqman Al-Hakim; adalah seorang yang bijaksana bertaraf wali dan bukannya seorang nabi. Bukan sedikit ulama' yang menyatakan tentang perkara ini. Di an tara para ulama' tersebut ialah seperti Mujahid, Sa'id bin Al-Musayyab dan Ibnu Abbas. Wallahu A'lam."

Ibnu Kathir ada menyebutkan di dalam kitab sejarahnya: "Beliau ialah Luqman bin Unqaa' bin Sadam." Diceritakan dari As-Suhaili, dari Ibnu Jarir dan Al-Qutaibi: "Beliau ialah Luqman bin Tharan"

Dikatakan bahawa beliau ialah anak kepada AI-Baura'. Ibnu Ishaq ada menyebutkan beliau ialah Luqman bin AI Baura' bin Tarikh iaitu Aazar Abu Ibrahim AI-Khalil.

Wahab berkata: "Beliau adalah anak saudara perempuan Nabi Ayyub a.s." Menurut Muqatil pula: "Beliau adalah sepupu Nabi Ayyub a.s."

Dikatakan, beliau adalah dari kalangan anak Aazar dan telah hidup selama seribu tahun. Sempat hidup bersama dengan Nabi Daud a.s dan mengambil ilmu darinya. Luqman telah mengeluarkan fatwa sebelum Nabi Daud a.s dibangkitkan dan setelah baginda nabi Daud as diutus kepada umat, beliau berhenti dari mengeluarkan fatwanya lagi. Ibnu Kathir berkata: "Dikatakan, beliau, adalah seorang Qadhi di zaman Nabi Daud a.s. Wallahu A'lam."

AI-Allahamah AI-Alusy berkata: "Kebanyakan pendapat mengatakan bahawa beliau hidup di zaman Nabi Daud a.s." Katanya lagi: "Orang juga berselisih pendapat, adakah beliau seorang yang merdeka atau seorang hamba? Kebanyakan pihak mengatakan beliau adalah seorang hamba Habsyi"

Ibnu Qutaibah berkata: "Luqman adalah seorang hamba Habsyi kepada seorang lelaki

dari kalangan bani Israil. Kemudian beliau dibebaskan dan diberikannya harta."

Diriwayatkan dari Abu Hurairah r.a., dia telah berkata: Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

"Adakah engkau semua tahu siapakah dia Luqman? "Mereka pun menjawab: "Allah dan Rasul-Nya sahaja yang lebih tahu." Baginda bersabda: "Dia adalah seorang Habsyi." Pendapat yang mengatakan dia adalah seorang habsyi, adalah dari Ibnu Abbas dan Mujahid.

As-Suhaili berkata: "Luqman adalah Naubah dari penduduk Telah (Sebuah bandar di tepi laut merah)" Demikian juga dipetik oleh Qatadah, dari Abdullah bin Az-Zubair: Aku telah bertanya kepada Jabir bin Abdullah: "Apakah cerita terakhir yang sampai kepadamu tentang perihal diri Luqman? "Jabir menjawab: "Dia adalah seorang yang pendek, pesek hidungnya dari keturunan Naubah." lanya juga sebagaimana yang disebutkan dari Sa'id bin AI- Musayyab, katanya: "Luqman adalah dari Sudan, Mesir."

AI-Hassan AI-Basri pula berkata: "Luqman telah membina sebuah singgahsana di Ramlah, Syam. Pada masa itu, tempat tersebut masih lagi belum dibangunkan. Dia berada di sana sehinggalah lanjut usianya dan meninggal dunia."

Ibrahim bin Adham berkata: "Aku telah diberitahu bahawa kubur Luqman adalah di antara Masjid Ar-Ramlah dan tempat didirikan pasar pada hari ini. Di tempat tersebut terdapat 70 kubur nabi-nabi sebelum Luqman.

Dilaporkan, bahawa Luqman adalah seorang mufti sebelum Nabi Daud a.s dibangkitkan. Apabila baginda diutuskan kepada umatnya, Luqman berhenti dari memberikan fatwa. Ada orang bertanya; padanya tentang hal itu lalu dia pun berkata: "Adakah aku tidak mahu berhenti apabila aku telah merasa cukup?!"

Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, dari Mujahid: "Beliau adalah seorang Qadhi di kalangan kaum bani Israil di zaman Nabi Daud a.s"

Demikian siapa itu Luqman Hakim. Tidak kira siapapun dia, yang penting beliau adalah seorang yang mempunyai hikmah kebijaksanaan. Kata-katanya diberkati Allah dan dirakamkan didalam Al Quran.

#Maklumat di atas dipetik secara terpisah-pisah dari tulisan Muhammad Khair Ramadhan Yusuf dalam bukunya Lukman al Hakim.

PEMBAZIRAN KETIKA BERWUDU'

Oleh : Encik Mohammad Faizal bin Baharuddin

Diriwayatkan bahawa Rasulullah pernah melintasi Saad yang sedang berwudhu, lalu Baginda bertanya: "Mengapa engkau berlebih-lebihan seperti ini wahai Saad?" Saad bertanya: "Apakah di dalam wudhu juga ada istilah berlebih-lebihan?" Baginda menjawab: "Benar, sekalipun engkau berada di sungai yang mengalir."

(Hadis Riwayat Ahmad r.a.)

Ulasan Hadis:

Melalui hadis ini, jelas kepada kita bahawa Rasulullah melarang daripada melakukan pembaziran ketika berwudhuk. Bagaimana pembaziran yang dimaksudkan di dalam berwudhuk?

Kebanyakan daripada kita selalu buka pili besar2 sehingga air keluar dengan laju dan deras ketika ambil wuduk, sampaikan basah pakaian. Sepatutnya kita hendaklah mengelakkan pembaziran. Buka air perlahan ketika mengambil wuduk dan insyaALLAH boleh sempurna. Jangan membazir kerana membazir itu amalan syaitan!

Amalan membazir ini telah dinyatakan dalam Al-Quran dan amat dilarang Allah hingga orang yang membazir itu disamakan dengan saudara syaitan.

Firman Allah :

"Sesungguhnya orang yang membazir itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat ingkar kepada Tuhannya." (Surah al-Isra', ayat 27).

Sebenarnya kerana kejahilan, kita tidak

rasa kita sedang melakukan dosa. Orang yang membazir termasuk melakukan dosa dan ia sudah pasti menjejaskan tumpuan dan khusyuk ketika solat. Kerana solat yang khusyuk itu bermula daripada keadaan wuduk yang dilakukan dengan baik dan sempurna.

Wudhuk sebenarnya untuk membersihkan rohani serta jasmani tetapi jika ketika membersihkan dalam masa yang sama 'mengotorkan' dengan amalan pembaziran dibimbangi akan mengganggu kualiti solat. Kemungkinan antara penyebab kita solat tetapi masih lagi tidak berubah kepada kebaikan adalah kerana perbuatan membazir ini.

Sebagaimana yang kita sedia maklum Islam melarang keras umatnya mengamalkan cara hidup membazir dalam semua urusan yang berkaitan dengan penggunaan air, perbelanjaan harta, pengurusan masa dan penggunaan tenaga. Perbuatan membazir adalah tabiat buruk manusia yang sering terjadi apabila mereka dikurniakan rezeki atau nikmat yang banyak.

Secara tidak langsung kita telah menggunakan rezeki yang datang daripada Allah ini secara tidak wajar dan bukan pada tempat yang sepatutnya.

Rasulullah bersabda: "Sesungguhnya orang yang paling baik antara kamu adalah orang yang paling baik budi pekertinya." (Hadis riwayat al-Bukhari).

Justeru, kita hendaklah memerhatikan setiap perbuatan kita, jangan sampai perkara pahala bertukar menjadi haram disebabkan kelalaian kita terhadap urusan agama.



12 SENARAI SEMAK ISTERI TAAT?

Oleh : Ustazah Siti Nazira bt Hazudin

Bagaimana kita boleh mencapai tahap isteri yang solehah dan taat? Hayati apa yang dinyatakan di sini dan renung adakah anda termasuk dalam senarai berikut.

1. Isteri solehah akan melayan suaminya dengan baik kerana itu adalah tuntutan. Mereka melakukannya semata-mata mentaati Allah dan mendapat keredhaan-Nya. Bila suami berhajat, segera mendapatkannya dan tinggalkan kerja-kerja yang sedang dilakukan.

2. Hiasi diri dengan pakaian yang menarik, bersolek dan memakai bau-bauan. Jangan bimbangkan anak-anak yang sedang menangis kerana para malaikat sentiasa menjaga mereka.

3. Ada isteri yang melayan suami dengan baik tetapi menjadi marah atau bermasam muka apabila suami menyuarakan hasrat untuk kahwin satu lagi. Ini dinamakan cinta nafsu kerana mahu menguasai kasih sayang suami. Pada mereka bermadu itu satu kehinaan dan lebih rela suami mempunyai wanita simpanan.

4. Isteri yang bertaqwa, tidak peduli sekiranya hidup bermadu kerana redha dengan ketentuan Ilahi dan sentiasa bersabar atas setiap ujian dan melayan suami dengan ikhlas kerana tahu tanggungjawabnya sebagai isteri.

5. Hanya isteri solehah sahaja yang gembira apabila dimadukan kerana sedar suaminya telah menyelamatkan seorang lagi wanita, solat wanita itu lebih khusyuk, melembutkan hati dan menenangkan fikiran.

6. Selain itu, anda juga harus mengikis sebanyak mungkin sifat mazmumah yang ada

dalam diri. Berdoa digantikan dengan lebih banyak sifat mahmudah agar dapat berdepan dengan segala ujian dengan tabah.

7. Banyakkan menangis kerana Allah, bukan menangis kerana sayang harta dunia, takut dimadu dan sebagainya sebaliknya menangislah kerana takut azab Allah. Menangislah kerana rinduan-Nya .

8. Banyakkan berselawat kepada Rasulullah SAW kerana baginda diberi keistimewaan untuk mengenali umatnya. Umatnya yang bercahaya di Padang Mahsyar kelak akan dipimpin baginda menuju ke syurga.

9. Jadilah isteri siddiqin. Isteri yang tidak akan meminta apa-apa daripada suaminya sekalipun yang perlu (dharuri). Apa-apa yang disediakan suami diterima dengan penuh malu dan syukur. Kalau ada, adalah, kalau tidak ada dia bersabar. Untuk meminta tidak sekali-kali. Kalau diberi pun dia menolaknya dengan baik kerana lebih suka menolong suaminya. Kategori isteri begini sukar ditemui terutama diakhir zaman ini. Ini adalah wanita luar biasa.

10. Isteri muqarrobun. Isteri yang tidak meminta daripada suaminya kecuali yang perlu. Yang tidak perlu, tidak akan diminta dan kalau diberi dia akan menolaknya dengan baik. Kalau yang diperlukan tidak ada, dia tetap bersabar. Tidak akan mendesak suaminya. Tetap bersabar dengan keadaan itu. Isteri begini juga sukar dicari pada zaman ini iaitu ketika orang memburu harta dunia.

11. Isteri solihin. Isteri yang meminta kepada suaminya yang perlu, sekali-sekala meminta yang tidak perlu seperti ingin

sedikit kehidupan yang selesa sama ada makan minum, tempat tinggal dan kenderaan. Namun, jika suami tidak memberi, dia tetap sabar.

12. Isteri fasik. Isteri yang selalu sahaja meminta bukan sahaja yang perlu, yang tidak perlu pun dia akan minta juga. Kalau diberi pun tidak pernah puas, tidak pernah rasa cukup, sudah mewah pun tidak rasa cukup. Kalau tidak diberi, dia merungut, marah-marah, sakit hati, merajuk hingga menjadi masalah dalam rumah tangga. Inilah dia golongan yang fasik. Isteri ini selalu sahaja derhaka dengan suami, apatah lagi dengan Allah.



BERKASIH SAYANG KERANA ALLAH

Oleh : Puan Nor Hidayani bt Abdullah

Marilah kita berkasih sayang kerana Allah SWT. Sesungguhnya Rasulullah SAW seorang yang sangat berkasih sayang dan kasihkan kanak-kanak.

“Tidak sempurna iman seseorang daripada kamu sehingga dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri”
(hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Suatu ketika di Hari Raya, Sewaktu Rasulullah hendak pergi ke masjid, Baginda mendapati seorang anak yang masih kecil sedang menangis di sebuah sudut jalan. Rasulullah yang sangat berhati lembut dan penyayang kemudian mendatangi anak kecil tersebut, lalu bertanya kepadanya : “Wahai anak, hari ini semua orang sedang bergembira dengan datangnya Hari Raya Idul Fitri, tetapi kamu terlihat menangis seorang diri disini, apa yang terjadi?”

Anak kecil itu menjawab: Aku sedih, teman-temanku semua bergembira dengan ibu dan ayah mereka, mereka memakai baju baru dan perhiasan baru, sedangkan orang tuaku telah bercerai, ibuku menikah dengan orang lain, ayah tiriku tidak peduli denganku. Dan aku tidak mungkin dapat membeli baju baru.

Rasulullah kemudian tersenyum haru, lantas memeluk anak kecil tersebut dengan penuh kasih, bagaikan anak Baginda sendiri. Setelah itu Rasulullah berkata padanya : Wahai anak kecil yang dikasihi Allah, maukah jika engkau menjadi anakku, aku menjadi ayahmu dan Aisyah menjadi ibumu?.

Dengan terharu dan senyum yang tidak dapat terlukiskan, anak itu kemudian memeluk Rasulullah dengan erat, air matanya mengalir karena merasakan kebaikan dan

kasih sayang Rasulullah kepada dirinya.

Rasulullah kemudian menggendong anak kecil itu dan membawa ke rumah, kemudian menyerahkannya kepada Sayidatina Aisyah untuk dimandikan. Maka beberapa saat kemudian, si anak kecil yang sebelumnya dekil, kotor, bau dan berantakan itu berubah menjadi bagaikan bidadari kecil yang harum dan cantik.

Begitulah kasih sayang Baginda Rasulullah SAW, sanggup mengasihi dan menghibur orang lain demi kebahagiaannya. Baginda sangat sayang terutama kepada anak-anak yang masih belum ada dosa. Marilah kita berusaha meneladani akhlak Rasulullah yang sungguh agung, yaitu alah satunya dengan berkasih sayang sesama manusia.

Diriwayatkan oleh Muslim di dalam sebuah hadis Qudsi yang bermaksud :

“Di manakah orang-orang yang berkasih sayang kerana kemuliaanKU pada hari ini, Aku perlindungi mereka di bawah naunganKu pada hari yang tiada lagi naungan kecuali naunganKu.”



PEMIMPIN SEBENAR ADALAH ORANG YANG JIWANYA MAHU MEMIMPIN.

TERIMA KASIH BANTU MAKCIK..

SAYA NAK SEMUA ORANG SELAMAT!

JOM KITA SOLAT DULU.. TIADA KEJAYAAN KALAU TAK SOLAT..

APABILA KITA MAHU MENJADI PENGIKUT.. KITA MESTILAH MENGIKUT KETUA YANG BAWA KITA KE JALAN YANG LURUS..

DIRINYA BERSIFAT DAIE IAITU ORANG YANG MENYERU MANUSIA KEPADA ALLAH. ITULAH TERAS KEPIMPINAN.

OLEH KERANA SIFAT PEMIMPIN SEBENAR MEMANG SENTIASA BERUSAHA BAWA UMAT KE JALAN BENAR.. MAKA PEMIMPIN SEBENAR TIDAK PERLU MEMINTA JAWATAN KETUA.. TIDAK JUGA PERLU BERCITA-CITA JADI KETUA..

EKAU NI PRIHATIN BENAR.. KALAH WAKIL RAKYAT..

SEBELUM UMAT MELANTIK DIA MENJADI KETUA.. DIA SUDAH MENJADI HARAPAN UMAT UNTUK MEMIMPIN UMAT.

BANTU MAKCIK.. MAKCIK LAPAR..

PEMIMPIN SEBENAR BERUSAHA MEMBANTU UMAT TANPA PEDULI ADA JAWATAN ATAU TIADA JAWATAN. SEBAB PEMIMPIN SEBENAR TAK KEJAR JAWATAN.. TAPI KEJAR REDHA ALLAH BUAT DIRINYA..

APABILA DIPUJI, JANGAN MUDAH BERASA TERHARU. PULANGKAN KESYUKURAN KEPADA ALLAH ATAS NIKMAT YANG DIBERI....

Alhamdulillah... Segala puji bagiMu Ya Allah yang telah melahirkan yang baik dan menutup yang buruk pada diriku....

Cantiknya kopiah awak. Kilau-kilau! Bagi saya la! Amboi-amboi, tak malu nye saya...hehe

Buatlah begitu dan begini... Janganlah buat begini supaya tidak terjadi begitu.

Baiklah! Terima kasih, saya taknak kedekut lagi!

APABILA DIPUJI TENTANG SESUATU YANG TIDAK ADA PADA DIRIMU, HENDAKLAH BERKATA SEPERTI ORANG-ORANG YANG SOLEH KATAKAN:

Ya Allah, ya Tuhanku! Janganlah engkau menghukumku sebab apa yang mereka katakan itu, dan ampunilah aku daripada apa yang mereka tiada mengetahui, dan jadikanlah aku lebih baik dari apa yang mereka sangkakan itu...

Saya dengar awk tak kedekut! Bagi la saya!!!

APABILA MEMBERI NASIHAT KEPADA ORANG LAIN, TARIKLAH DIA KE TEMPAT YANG SUNYI SUPAYA TIDAK DIDENGARI OLEH ORANG LAIN, NASIHATILAH DENGAN BERLEMAH-LEMBUT, SEBUTKAN SECARA TERANG-TERANGAN SUPAYA DIA FAHAM, JANGAN ADA NADA SINDIRAN.

Buatlah begitu dan begini... Janganlah buat begini supaya tidak terjadi begitu.

Baiklah! Terima kasih, saya taknak kedekut lagi!

JIKA DIA MENERIMA NASIHATMU, UCAPKANLAH TERIMA KASIH KEPADANYA KERANA SUDI MENERIMA NASIHAT KITA. JIKA SEBALIKNYA, HENDAKLAH KEMBALIKAN CELANYA KEPADA DIRI KITA SENDIRI DENGAN MENGATAKAN:

Wahai jiwa yang jahat! Sebab engkaulah aku tiada diterima nasihatku. Lihatlah pada dirimu, mungkin engkau sendiri tiada melaksanakan syarat-syarat memberi nasihat dan tata tertibnya!

Lain kali, bro!!

ubah diri, aku taknak jadi kedekut..

dia sendiri yang kedekut....

Doa Harian

DOA KETIKA BERANGKAT BEKERJA



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنْ خَيْرِ مَا تَقْدِرُ عَلَيْهِ وَأَعُوذُ بِكَ
 مِنْ شَرِّ مَا تَقْدِرُ عَلَيْهِ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

"Allahumma inni as aluka min khairi hadzal 'amali wakhairi mafih. Wa'audzubika minsharri hadzal 'amali washarri mafih. Innaka 'ala kulli shai inqadir"

Ya Allah, Aku mohon pada Mu kebaikan pekerjaan ini dan segala kebaikan yang ada di dalamnya, dan aku berlindung pada Mu daripada keburukan pekerjaan ini dan segala keburukan yang ada di dalamnya. Sesungguhnya di atas segala sesuatu itu Engkau adalah Yang Maha Berkuasa Menentukannya. Amin...

DOA MOHON REZEKI HALAL



اللَّهُمَّ اكْفِنِي بِحَلَالِكَ عَنْ حَرَامِكَ
 وَأَغْنِنِي بِفَضْلِكَ عَمَّنْ سِوَاكَ

AllahummaKfini Bi Halalika an Haramika,
 Wa aghnini BiFadhlika 'amman Siwaka.

Ertinya: "Ya Allah, cukupkanlah aku dengan rezeki-Mu yang Halal (hingga aku terhindar) daripada yang Haram. Kayakanlah aku dengan anugerah-Mu (hingga aku tidak meminta) kepada selain Mu".

Renungan Bersama...

YAKINLAH
 REZEKI
 ITU
 JAMINAN
 ALLAH

"Barangsiapa yang bertakwa kepada Allah, maka Allah akan menunjukkan kepadanya jalan keluar dari kesusahan, dan diberikannya rezeki dari jalan yang tidak di sangka-sangka, dan barangsiapa yang bertawakal kepada Allah, nescaya Allah mencukupkan keperluannya."

[Surah At-Talaq ayat 2-3].

SIFAT AMANAH DALAM URUSAN KERJA



Jika gaji kita RM5,000 sebulan tetapi kita kerja kuat seperti gaji RM20,000, Allah SWT akan berikan beza RM15,000 itu samada dalam bentuk duit, anak soleh, hidup bahagia dan lain-lain.

Jika gaji kita RM5,000 tapi kita kerja malas macam gaji RM2,000, beza RM3,000 itu Allah akan tarik samada dalam bentuk kecurian, kesusahan, anak nakal dan seumpamanya.

- Ustaz Don Daniyal Don Bijayid



TERIMA KASIH UNTUK PERKHIDMATAN



EN. MOHD NAZRI BIN SAMSUDIN
Timbalan Pengarah PIMPIN
(Mei 2013 - Mei 2015)

Catatan...

MENU AKTIVITI MASJID 2016

PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN . UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

 <p>KULIAH MAGHRIB</p> <p>SELEPAS SOLAT MAGHRIB</p> <p>HARI ISNIN, SELASA, RABU & JUMAAT @ MASJID UMP GAMBANG & PEKAN</p>	 <p>KULIAH SEBELUM JUMAAT</p> <p>30 MINIT SEBELUM SOLAT JUMAAT</p> <p>@ MASJID UMP GAMBANG</p>	 <p>MAJLIS IFTAR JAMA'IE</p> <p>PUASA SUNAT HARI KHAMIS</p> <p>SETIAP HARI KHAMIS @MASJID UMP GAMBANG & PEKAN</p>
 <p>KULIAH ZOHOR</p> <p>SETIAP HARI ISNIN - KHAMIS</p> <p>@ MASJID UMP GAMBANG & PEKAN</p>	 <p>BACAAN YAASIN & TAHLIL</p> <p>SELEPAS MAGHRIB</p> <p>SETIAP KHAMIS MALAM JUMAAT @ MASJID UMP GAMBANG & PEKAN</p>	 <p>KLINIK AL-QURAN</p> <p>8:00 - 8:45 PAGI</p> <p>SETIAP HARI ISNIN & SELASA @ MASJID UMP GAMBANG</p>
 <p>JOM MENGAJI</p> <ul style="list-style-type: none"> HARI ISNIN @ MASJID UMP PEKAN HARI RABU & JUMAAT @ MASJID UMP GAMBANG <p>8:00 - 9:00 MALAM</p>	 <p>KELAS PENGAJIAN TAUHID</p> <ul style="list-style-type: none"> ISNIN: SELEPAS MAGHRIB SABTU : JAM 10:00 PAGI <p>@ MASJID UMP PEKAN</p>	 <p>PROGRAM JOM LEPAK @ MASJID</p> <p>5 KALI SETAHUN</p> <p>@MASJID UMP GAMBANG & PEKAN</p>
 <p>HIDANGAN BUBUR JUMAAT</p> <p>SELEPAS SOLAT JUMAAT</p> <p>SETIAP HARI JUMAAT @ MASJID UMP GAMBANG & PEKAN</p>	 <p>CERAMAH PILIHAN @PAHANG FM</p> <p>KULIAH MAGHRIB TERPILIH</p> <p>@ MASJID UMP GAMBANG & PEKAN</p>	 <p>KULIAH FIQH WANITA</p> <p>12:30 - 1:30 TENGAHARI</p> <p>SETIAP HARI JUMAAT @ MASJID UMP GAMBANG & PEKAN</p>